ISU-ISU MASYARAKAT DALAM NOVEL TUAN DIREKTUR KARYA HAMKA: APLIKASI TEORI KONFLIK

NURUL FAZIRA BINTI MAT YUTI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2022

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISU-ISU MASYARAKAT DALAM NOVEL TUAN DIREKTUR KARYA HAMKA: APLIKASI TEORI KONFLIK

Oleh:

NURUL FAZIRA BINTI MAT YUTI

C18A0353

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

FTKW

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

☑	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
☐	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh _____ sehingga _____.
☐	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
☐	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

DR. NASIRIN BIN ABDILLAH
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

Tandatangan	Tandatangan Penyelia
980609-03-5454	Dr. Nasirin Bin Abdillah
No. Kad Pengenalan	Nama Penyelia
Tarikh: 14 Februari 2022	Tarikh: 14 Februari 2022

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENGHARGAAN

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang" syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya telah memberi kekuatan, keyakinan serta memberikan saya peluang dan masa untuk saya menyiapkan kajian saya bagi kursus Projek Penyelidikan yang bertajuk Isu-Isu Masyarakat Dalam Novel Tuan Direktur Karya Hamka: Aplikasi Teori Konflik.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan ribuan terima kasih dan penghargaan buat Dr. Nasirin Bin Abdillah selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran, bimbingan, nasihat serta sokongan moral sepanjang proses saya menyiapkan penyelidikan ini. Dan melalui penyelidikan ini telah memberi pelbagai ilmu yang dapat saya rungkai sepanjang saya menyiapkan penyelidikan saya.

Ribuan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa dan seluruh ahli keluarga tercinta saya kerana memberi semangat dan sokongan yang berterusan dalam penyiapkan penyelidikan ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan-rakan lain yang banyak membantu memberi pandangan dan sokongan kepada saya secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang proses menyiapkan penyelidikan saya. Akhir kata, segala yang buruk itu datangnya dari kelemahan diri saya dan segala yang baik itu datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nurul Fazira Binti Mat Yuti
C18A0353

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Beg Berkunci No.01,
16300 Bachok,
Kelantan.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	
PENGHARGAAN	**i**
ISI KANDUNGAN	**ii - iv**
ABSTRAK	**v**
ABSTRACT	**vi**
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1 - 2
1.1 Latar Belakang Kajian	2 - 4
1.2 Permasalahan Kajian	4 - 5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6 - 7
1.6 Skop Kajian	7 - 8
1.7 Metodologi Kajian	9 - 10
1.8 Istilah Berkaitan	10
1.8.1 Istilah Berkaitan Seperti Kritikan Sosial	10 - 11
1.8.2 Istilah Berkaitan Seperti Masalah Sosial	11
1.8.3 Istilah Berkaitan Seperti Konflik	12
1.9 Kesimpulan	12 - 13

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan 14 - 15

2.1 Sorotan Kajian

2.1.1 Sorotan Kajian Mengenai Isu-Isu Masyarakat 15 - 23

2.1.2 Sorotan Kajian Mengenai Teori Konflik 24 - 25

2.1.3 Sorotan Kajian Mengenai Novel Tuan Direktur 25

2.2 Kesimpulan 26

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan 27

3.1 Rekabentuk Kajian 28

3.1.1 Kaedah Kualitatif 28 - 29

3.1.2 Pengumpulan Data 29 - 30

3.1.2.1 Kaedah Kepustakaan 30

3.1.2.2 Kaedah Internet 31

3.1.2.3 Kaedah Analisis Teks 31 - 32

3.2 Penerapan Teori 32

3.2.1 Teori Konflik 32 - 34

3.2.1.1 Teori Konflik Dikemukakan Oleh Karl Marx 34 - 35

3.2.1.2 Teori Konflik Dikemukakan Oleh George Simmel 36

3.2.1.3 Teori Konflik Dikemukakan Oleh Lewis A. Coser 37 - 38

3.2.1.4 Teori Konflik Dikemukakan Oleh Ralf Dahrendorf 38 - 40

3.3 Kerangka Konseptual 41

3.4 Kesimpulan 44

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 4: ANALISIS KAJIAN

4.0 Pengenalan 43 - 44

4.1 Mengenalpasti Isu-Isu Masyarakat Dalam Novel Tuan Direktur Karya Hamka 44 - 45

4.2 Menganalisis Isu-Isu Masyarakat Dalam Novel Tuan Direktur Analisis Teori Konflik

4.2.1 Masyarakat Yang Sombong 46 - 50

4.2.2 Masyarakat Tamak Harta Dan Kehormatan 50 - 54

4.2.3 Masyarakat Masih Percaya Tahyul 55 - 59

4.2.4 Masyarakat Terlibat Dengan Rasuah 59 - 63

4.2.5 Masyarakat Bercakap Bohong 63 - 66

4.2.6 Masyarakat Tidak Bersyukur 67 - 70

4.2.7 Masyarakat Mempunyai Sifat Dengki 70 - 73

4.3 Kesimpulan 73

BAB 5: KESIMPULAN

5.0 Pengenalan 74

5.1 Rumusan Kajian 74 - 78

5.2 Implikasi 78 - 80

5.3 Cadangan 80

5.3.1 Cadangan Kepada Pelajar Bidang Kesusasteraan 81

5.3.2 Cadangan Kepada Pihak Media Massa 81 - 82

5.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Yang Akan Datang 82

5.3.4 Cadangan Kepada Pihak Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 83

5.4 Penutup 84

RUJUKAN **85 - 87**

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Isu-Isu Masyarakat Dalam Novel Tuan Direktur Karya Hamka: Aplikasi Teori Konflik

ABSTRAK

Novel sasterawan sentiasa mendapat tempat dalam kalangan penyelidikan. Hal ini demikian kerana, novel sasterawan mampu dilihat sebagai kritik dan cerminan masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis kepada satu buah novel yang terpilih iaitu dari karya Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih sering dikenali sebagai Hamka. Novel tersebut ialah Tuan Direktur yang mana ia dilihat bersesuai digunakan dalam merungkai isu-isu masyarakat. Analisis ini akan dimantapkan lagi dengan menggunakan teori konflik yang dikemukakan oleh empat tokoh seperti Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel. Permilihan novel Tuan Direktur kerana novel dari Hamka ini merupakan novel yang tertumpu kepada masalah yang berlaku dalam masyarakat dan novel beliau juga berdasarkan kepada salah satu media awal sebagai usaha untuk memberi kesedaran nasional kepada pembaca dan juga untuk menyampaikan kritikan sosial melalui hasil karyanya itu sendiri. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Selain itu, kajian ini akan mempunyai dua objektif seperti mengenalpasti isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur dan menganalisis isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur dianalisis menggunakan teori konflik. Pada bahagian analisis kajian akan merungkai segala isu-isu masyarakat yang terdapat dalam novel Tuan Direktur.

Kata Kunci: Novel Tuan Direktur, isu-isu masyarakat dan teori konflik.

FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Community Issues in the Novel Tuan Direktur by Hamka: Application of Conflict Theory

ABSTRACT

Literary novels have always found a place in research circles. This is because, literary novels can be seen as a critique and a reflection of society. Therefore, this study will analyze a selected novel that is from the work of Haji Abdul Malik Karim Amrullah or more often known as Hamka. The novel is Tuan Direktur which is seen as suitable for use in resolving community issues. This analysis will be further strengthened by using conflict theory put forward by four figures such as Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser and George Simmel. The selection of novel Tuan Direktur because this novel from Hamka is a novel that focuses on problems in society and his novel is also based on one of the early media as an effort to give national awareness to readers and also to convey social criticism through his own work. This study will use a fully qualitative method. In addition, this study will have two objectives such as identifying community issues in the novel Tuan Direktur and analyzing community issues in the novel Tuan Direktur analyzed using conflict theory. In the analysis section the study will unravel all the community issues found in the novel Tuan Direktur.

Keywords: Tuan Direktur novel, community issues and conflict theory.

FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Kajian ini akan mengkaji isu-isu masyarakat menggunakan novel Tuan Direktur karya Hamka. Selain itu, kajian ini akan melihat kepada isu-isu masyarakat dan secara khususnya akan menggunakan teori konflik. Teori ini digagaskan oleh empat orang tokoh iaitu Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel yang mana ianya merupakan salah satu teori yang paling berpengaruh berkaitan dengan isu-isu masyarakat. Dalam hidup bermasyarakat, ia tidak akan terlepas daripada wujudnya isu sehingga boleh berlaku kepada pertelingkahan. Isu masyarakat merupakan suatu persaingan atau dikenali juga sebagai permasalahan antara pihak lain. Ianya juga merupakan suatu keadaan atau tingkah laku yang bertentangan seperti permasalahan antara individu, perselisihan ataupun kepentingan.

Kajian ini akan dilakukan ke atas novel antarabangsa oleh tokoh sasterawan yang berasal daripada negara jiran iaitu Indonesia. Tokoh tersebut lebih dikenali sebagai Hamka atau nama sebenarnya ialah Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Bagi tajuk kajian ini ialah Isu-Isu Masyarakat dalam novel Tuan Direktu karya Hamka: Aplikasi Teori Konflik. Antara sebab memilih novel dari karya Hamka untuk mengkaji isu-isu masyarakat kerana hasil karya beliau banyak tertumpu kepada masalah yang berlaku dalam masyarakat dan karya beliau juga berdasarkan kepada salah satu media awal

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

sebagai usaha untuk memberi kesedaran nasional kepada pembaca dan juga untuk menyampaikan kritikan sosial melalui hasil karyanya itu sendiri.

Novel Tuan Direktur ditulis oleh Hamka pada tahun 1939. Novel ini pada asalnya diterbitkan sebagai siri dalam akhbar Hamka Pedoman Masyarakat. Selain itu, novel ini menggambarkan dua kehidupan yang boleh ditafsirkan sebagai dua kutub yang berbeza iaitu kehidupan yang kaya dari segi kewangan akan tetapi ketandusan dari segi nilai moral dan peradaban berbeza dengan kehidupan yang miskin dari segi kewangan akan tetapi dari segi nilai moral dan peradaban mereka amatlah baik. Novel ini juga dilihat sebagai kritikan terhadap khurafat dan materialisme. Oleh itu, pengkaji memilih novel Tuan Direktur untuk mengkaji isu-isu masyarakat kerana dalam novel tersebut banyak memaparkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat berbanding novel Hamka yang lain. Dikatakan demikian juga kerana karya sastera tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sebenar masyarakat.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat merujuk kepada sekumpulan manusia yang membentuk satu sistem interaksi sosial di mana kebanyakan interaksi yang berlaku dalam sistem sosial tersebut lahir daripada individu yang berada dalam kumpulan tersebut. Masyarakat adalah masyarakat yang saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Bagi isu masyarakat adalah perkara yang melibatkan sebahagian besar atau semua anggota masyarakat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dianggap sebagai masalah atau kontroversi berkaitan nilai moral. Ia termasuk persoalan kemiskinan,

FTKW

ketidakadilan, pencabulan hak asasi manusia, diskriminasi, keganasan, jenayah dan seumpamanya. Selain itu, isu masyarakat juga berkaitan dengan struktur masyarakat termasuk konflik kepentingan antara anggota masyarakat dan berada di luar kawalan mana-mana individu.

Novel Tuan Direktur sebenarnya berfungsi sebagai cerminan isu masyarakat iaitu menggambarkan isu-isu yang berlaku dalam realiti kehidupan masyarakat yang dapat kita lihat dari segi ekonomi, aktiviti sosial dan juga budaya yang dilalui dan perkembangan dalam masyarakat. Makalah, isu masyarakat banyak dipaparkan dalam karya Hamka terutamanya melalui novel Tuan Direktur. Di mana, dalam novel ini banyak isu masyarakat berlaku pada watak Jazuli iaitu seorang pemuda Banjar merupakan seorang yang berjaya dalam perusahaannya di Surabaya. Jazuli ialah orang yang tamak kepada harta, memperhambakan tenaga pekerja dan mahukan kehormatan. Selain itu, isu masyarakat juga berlaku dalam watak lain yang terdapat dalam novel Tuan Direktur.

Seterusnya, novel ini yang ringan tetapi sarat dengan aliran nasihat dan hikmah yang kuat di dalamnya menarik untuk dikupas dalam dunia hari ini yang penuh cabaran dari sudut budaya dan persekitaran. Tambahan pula, kajian ini akan dianalisis menggunakan teori konflik yang sesuai untuk mengkaji isu-isu masyarakat kerana teori konflik ini sering menjadi tokoh utama dalam pelbagai perbincangan berkaitan masalah. Menurut Karl Marx yang merupakan tokoh yang paling berpengaruh menceritakan berkenaan dengan teori konflik ini sebagai satu bentuk konflik kelas malah melalui sudut pandangan itu, ia memperkenalkan konsep struktur kelas dalam masyarakat. Oleh

FTKW

itu, amat wajar novel Tuan Direktur digunakan untuk mendapatkan isu masyarakat serta diaplikasikan lagi dengan teori konflik.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kepada perhatian-perhatian kajian lepas, didapati kebanyakan kajian lepas terhadap karya Hamka banyak menggunakan karya Hamka yang lain berbanding novel Tuan Direktur. Hal ini kerana karya-karya Hamka seperti Merantau Ke Deli, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Di Bawah Lindungan Ka'bah dan sebagainya, ia lebih meluas bagi menjadikan bahan kajian terutama dari aspek adab resam, halangan dalam percintaan, konflik masyarakat, unsur dakwah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian lepas menggunakan novel Tuan Direktur bagi menjadikan bahan kajian tetapi ia hanya tertumpu kepada mengkaji tentang pencarian nilai-nilai otentik yang mana telah dikaji oleh Bahasa dan Sastera Indonesia. Di samping itu, novel Tuan Direktur juga kurang mendapat kesedaran daripada generasi masa kini yang tidak lagi gemar membaca novel hasil daripada tokoh-tokoh sasterawan yang banyak memberi pengajaran. Generasi masa kini lebih gemar memilih novel yang hanya dapat memuaskan hati mereka semata-mata menyebabkan banyak karya Hamka terutamanya yang semakin lama semakin dilupakan.

Masalah yang terdapat hasil daripada perhatian lepas berdasarkan novel Tuan Direktur juga disebabkan bahasa atau dialog yang digunakan dalam karya tersebut kurang difahami oleh segelintir golongan pengkaji dan pembaca menyebabkan novel ini kurang mendapat pilihan untuk membuat bahan kajian. Selain itu, kebanyakan kajian

FTKW

lepas didapati menggunakan karya Hamka untuk menjadikan bahan kajian hanya tertumpu kepada budaya Minangkabau tetapi dari aspek lain karya Hamka tidak mendapat tumpuan. Sehubungan dengan itu, adalah merupakan satu usaha yang teliti bagi pengkaji untuk meninjau segala hasil karya Hamka khususnya Tuan Direktur sebagai bahan kajian dalam mengkaji isu masyarakat yang ingin disampaikan. Manakala hasil perhatian lepas terhadap teori konflik juga kurang mendapat sambutan kerana teori ini hanya sesuai dalam menganalisis konflik yang berlaku sahaja. Teori ini sebenarnya merupakan salah satu asas kepada pengarang dalam berkarya. Usaha juga perlu dilakukan untuk memartabatkan teori tersebut, maka teori tersebut diyakini boleh digunakan dalam menjalankan penyelidikan. Oleh itu, kajian ini akan cuba melihat isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur menggunakan teori konflik.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Beberapa persoalan untuk kajian ini seperti berikut:

i. Apakah isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur?

ii. Bagaimanakah isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur dianalisis menggunakan teori konflik?

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini dilakukan bagi mengetahui perkara seperti berikut:

i. Mengenalpasti isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur.

ii. Menganalisis isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur dianalisis menggunakan teori konflik.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini bagi mengetahui atau mengenal lebih rapat karya-karya Hamka terutama novel Tuan Direktur. Selain itu, kajian ini juga penting kerana pada sebelum ini novel Tuan Direktur banyak dikaji dari sudut yang lain sepeti pencarian nilai-nilai otentik. Oleh itu, kajian ini penting kerana kajian ini berbeza dari kajian-kajian lepas yang tidak mengkaji tentang isu-isu masyarakat yang ingin disampaikan oleh Hamka melalui karyanya serta dapat membantu untuk melihat aspek yang berbeza bagi novel Tuan Direktur. Novel Tuan Direktur ini tidak lagi diketengahkan secara meluas menyebabkan kajian yang dilakukan ke atas novel tersebut amat penting. Di samping itu, kajian ini penting kerana dapat menyumbang ke arah menambahkan lagi penyelidikan terhadap karya-karya Hamka terutama novel Tuan Direktur yang mana pada sebelum ini kurang menjadi tumpuan untuk dijadikan sebagai bahan kajian.

Kepentingan kajian ini juga bagi mengalakkan dan menanam kesedaran dalam membaca karya-karya Hamka serta menghargai usaha Hamka dalam menghasilkan karya dalam kesusasteraan. Tambahan pula, kajian ini juga penting untuk

FTKW

mengetengahkan isu-isu masyarakat yang ingin disampaikan oleh Hamka dalam karya penulisan yang telah banyak dihasilkan oleh beliau sebagai bahan kajian. Kajian ini penting untuk memberi kesedaran kepada pembaca agar isu-isu masyarakat yang diterangkan dalam novel Tuan Direktur dapat dijadikan iktibar kepada kita semua. Keunggulan sebuah karya itu dilihat melalui kepengarangan yang terletak pada keunikan karya yang dapat mendatangkan manfaat baik kepada pembaca. Oleh itu, Hamka telah menulis sesuatu yang sebelum ini tidak pernah ditulis oleh kebanyakan pengarang lain dan Hamka sendiri ingin mencari makna identiti diri melalui karya sastera seperti novel Tuan Direktur. Justeru itu, kajian ini penting untuk memaparkan isu-isu masyarakat dalam kepengarangan Hamka berdasarkan kepada keunikan yang telah dipersembahkan oleh beliau dalam novel Tuan Direktur.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini hanya berfokus kepada karya Hamka sahaja, di mana memberi fokus kepada satu buah novel yang hasil daripada penulisan Hamka iaitu Tuan Direktur. Walaupun Hamka telah menghasilkan karya-karya yang banyak tetapi kajian ini akan menumpukan kepada novel Tuan Direktur serta menumpukan kepada isu-isu masyarakat dan tidak akan menfokuskan kepada aspek yang lain seperti budaya Minangkabau. Kajian ini amat berfokus kepada isu-isu masyarakat walaupun terdapat aspek yang lain dapat dibuat sebagai bahan kajian. Bagi bahan bacaan pula akan menggunakan skop perpustakaan yang mana akan menggunakan skop ini bagi memperolehi buku, jurnal, surat khabar dan mencari maklumat tambahan bagi memperolehi fakta yang betul. Selain itu, kajian ini tertumpu kepada teori konflik

FTKW

kerana teori tersebut amat sesuai untuk dianalisiskan dalam isu masyarakat bagi novel Tuan Direktur.

Kajian dilakukan ke atas novel Tuan Direktur kerana novel tersebut lebih menyerlah untuk dibuat bahan kajian berkaitan dengan isu masyarakat berbanding karya Hamka yang lain. Hal ini kerana dalam novel tersebut memaparkan perihal tentang kehidupan masyarakat yang kaya dengan yang miskin. Isu masyarakat dipilih secara khusus dalam kajian ini kerana banyak isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur berbanding karya Hamka yang lain. Karya-karya Hamka seperti Merantau Ke Deli, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Dibawah Lindungan Ka'Bah dan sebagainya banyak menumpukan kepada adab resam, percintaan dan perkahwinan dalam suku yang sama tetapi Tuan Direktur ia lebih menumpukan kepada isu-isu masyarakat yang banyak berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Tambahan pula, skop kajian hanya pada isu masyarakat sahaja supaya kritikan sosial yang ingin disampaikan oleh Hamka melalui novel Tuan Direktur dapat dicapai dengan berjaya. Tarikan untuk mengkaji isu masyarakat kerana sesuai dengan keadaan masyarakat sekarang yang penuh dengan pancaroba.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian telah menggunakan teori konflik. Teori konflik dalam masalah sosial yang digagaskan oleh empat tokoh seperti Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel merupakan salah satu teori yang paling berpengaruh untuk menangani masalah yang berlaku dalam sesebuah negeri. Menurut Karl Marx yang merupakan tokoh yang paling berpengaruh dengan teori konflik, menceritakan tentang sejarah masyarakat adalah sejarah yang memperjuangkan satu kelas yang akan melahirkan satu kelompok iaitu kumpulan borjuis dan juga kumpulan proletar. Melalui perspektif Karl Marx, beberapa konsep telah dibangunkan melalui teorinya iaitu mengenai kelas sosial, perubahan kuasa sosial dan masalah negara yang antaranya mempunyai saling berhubung kait antara satu sama lain konsepnya.

Teori konflik mula muncul pada tahun 1950-an dan 1960-an. Dalam teori konflik, perubahan sosial tidak berlaku melalui proses penyesuaian nilai yang membawa kepada perubahan tetapi berlaku akibat konflik yang mengakibatkan persetujuan atau penyelesaian yang berbeza daripada situasi sebelumnya. Selain itu, teori konflik bertujuan untuk menganalisis asal usul sesuatu peristiwa pelanggaran peraturan atau latar belakang seseorang yang berkelakuan menyimpang. Teori konflik adalah teori di bawah teori sosiologi. Ini kerana teori-teori sosiologi yang ada adalah hasil daripada warisan yang telah diasaskan oleh tokoh-tokoh terawal. Teori sosiologi ini mula dikembangkan dan telah mencipta teori-teori lain seperti teori fungsionalisme, teori konflik dan juga teori interaksionisme. Ketiga-tiga teori tersebut mempunyai pengaruh tersendiri dalam mengkaji kepelbagaian kajian sosiologi. Untuk kajian ini akan menggunakan teori konflik yang sesuai untuk mengkaji isu-isu masyarakat.

FTKW

Selain itu, pada bahagian metodologi kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpul maklumat berkenaan dengan kajian yang akan dilakukan agar dengan kaedah ini dapat mencapai objektif bagi kajian ini. Kaedah kualitatif ini merujuk kepada salah satu penyelidikan yang mana hasil datanya itu melalui ilmu pengetahuan dan hasil daripada bahan yang telah digunakan. Menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah analisis teks. Melalui data kualitatif yang telah dikumpul, kandungan akan dianalisis secara termal untuk membuat rumusan daripada kajian isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktu karya Hamka: Aplikasi Teori Konflik.

1.8 ISTILAH BERKAITAN

Kajian ini akan menggunakan beberapa istilah berkaitan. Istilah ini perlu didefinisikan terlebih dahulu supaya ianya dapat memberi gambaran yang lebih tepat dan khusus dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menerangkan definisi setiap istilah berkaitan yang digunakan di dalam tajuk kajian ini. Istilah berkaitan yang digunakan dalam mengkaji isu-isu masyarakat, antaranya ialah kritikan sosial, masalah sosial dan konflik.

1.8.1 ISTILAH BERKAITAN SEPERTI KRITIKAN SOSIAL

Kajian ini menggunakan istilah-istilah yang berkaitan seperti kritikan sosial merupakan salah satu bentuk komunikasi dalam masyarakat yang bertujuan atau berfungsi sebagai kawalan ke atas jalan cerita sesuatu sistem atau proses masyarakat. Kritikan sosial juga

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

merupakan salah satu unsur penting dalam sastera dan kritikan sosial ialah frasa yang terdiri daripada dua perkataan iaitu kritikan dan sosial. Pengertian kritikan ialah persepsi atau kritikan yang kadangkala disertai dengan gambaran dan pertimbangan tentang baik buruknya sesuatu pendapat, manakala untuk tujuan sosial pula menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, sosial bermaksud segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Kritikan sosial juga boleh ditakrifkan sebagai penilaian atau kajian terhadap keadaan masyarakat pada satu masa.

1.8.2 ISTILAH BERKAITAN SEPERTI MASALAH SOSIAL

Selain itu, masalah sosial juga merupakan istilah berkaitan yang terdapat dalam kajian ini terutamanya istilah ini digunakan dalam sorotan kajian. Ini kerana isu dan masalah adalah perkataan yang agak serupa kerana kedua-duanya merujuk kepada situasi atau perkara yang mencabar. Masalah ialah persoalan yang ditimbulkan untuk penyelidikan, pertimbangan dan penyelesaian atau perkara atau situasi yang dianggap tidak diingini atau berbahaya dan perlu ditangani. Manakala sosial pula ialah perkataan yang merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Oleh itu, istilah masalah sosial digunakan secara meluas dalam kajian ini terutamanya dalam sorotan kajian pada artikel lepas yang membuat kajian tentang masalah sosial.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8.3 ISTILAH BERKAITAN SEPERTI KONFLIK

Tambahan pula, konflik merupakan istilah berkaitan yang sering digunakan dalam kajian ini. Perkataan konflik mewakili sejenis perselisihan atau pertikaian antara beberapa orang. Menurut Nurdjana (1994) pula mendefinisikan konflik sebagai akibat daripada keadaan di mana keinginan atau kemahuan berbeza atau bertentangan antara satu sama lain sehinggakan satu atau kedua-duanya diganggu oleh satu sama lain. Manusia dan konflik saling berkaitan kerana konflik adalah sifat semula jadi yang berkembang secara dinamik seiring dengan perkembangan manusia. Pada asasnya, konflik sering dipandang negatif dan dikaitkan dengan rungutan, pertengkaran, keganasan dan kemusnahan.

1.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah cuba untuk membuktikan bahawa Hamka sebagai seorang pengarang yang mempunyai kekuatannya tersendiri. Meskipun banyak karya yang telah dihasilkan oleh beliau, namun dari kesemua karyanya yang telah dikaji sudah cukup untuk memperlihatkan kekuatannya kerana dalam setiap satu karya beliau itu dihasilkannya dengan penuh kesedaran kepada khalayak. Dalam kajian ini telah meneliti tentang isu-isu masyarakat yang ingin disampaikan oleh Hamka melalui karya sastera. Novel Tuan Direktur amat sesuai digunakan bagi menganalisis isu masyarakat kerana novel tersebut berkisarkan tentang kehidupan masyarakat yang mengalami masalah bagi meneruskan kehidupan.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Selain itu, hasil teori konflik yang digunakan dalam menganalisis isu-isu masyarakat membuktikan bahawa teori ini mempunyai keupayaan dan kekuatan untuk mengkaji khazanah alam kesusasteraan Melayu amnya, malah mampu menyumbang dalam memperkaya khazanah dunia sastera dan mengukuhkan maruah seorang pengarang. Untuk mencapai tahap idea atau kecemerlangan, pengarang dituntut memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian yang dikatakan adalah kebolehan pengarang mengemukakan idea penilaian baharu sekali gus menbolehkan pembaca dalam memberi respons terhadap apa yang dipaparkan dalam karya. Hal ini tergambar dalam karya Hamka khususnya melalui novel Tuan Direktur di mana kita dapat melihat Hamka yang berani menghasilkan karya yang penuh dengan isu masyarakat. Oleh itu, novel Tuan Direktur mampu berada pada tahap yang tinggi dan menjadi tumpuan khalayak dan juga para pengkaji sendiri dapat menjadikan ia sebagai bahan kajian dan rujukan.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Sorotan kajian merujuk kepada kenyataan atau fakta yang berhubung dengan objektif. Sorotan kajian juga adalah dokumentasi yang diperlukan dalam cadangan kajian dalam bab seterusnya. Selain itu, kemuncak kajian ialah tinjauan dalam mengumpul pengetahuan tentang sesuatu persoalan di mana ia merupakan langkah asas pertama dalam proses penyelidikan. Dalam sorotan kajian ini akan mengandungi penyataan, kaedah, teori, pendapat, penilaian dan laporan kajian tentang topik yang telah dipilih oleh pengkaji. Ia juga membuktikan bahawa teori yang digunakan bukan hanya rekaan semata-mata. Sumber kajian boleh diambil daripada artikel, jurnal, tesis atau kenyataan daripada pakar. Pengkaji juga boleh mengumpul pelbagai maklumat tentang masalah yang ingin dikaji dengan mengetengahkan isu masyarakat yang terdapat dalam sesuatu kajian. Selain itu, melalui sorotan kajian membolehkan pengkaji mengenal pasti sama ada masalah yang ingin dikaji telah dijalankan oleh pengkaji lain atau tidak.

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan sorotan kajian lepas berkaitan tajuk yang dipilih iaitu Isu-Isu Masyarakat dalam novel Tuan Direktur Karya Hamka: Aplikasi Teori Konflik. Sehubungan itu, sorotan kajian ini akan membincangkan secara kritis dengan dapatan kajian lain yang berdasarkan kepada tajuk penyelidikan. Ini kerana dapatan kajian lepas amat penting bagi membantu dalam memberi idea serta

FTKW

membantu dalam hala tuju tentang kajian yang akan dijalankan. Bagi sorotan kajian pada artikel sebelum ini, banyak artikel yang diberi tajuk masalah sosial kerana perkataan masalah sosial membawa maksud yang sama dengan isu masyarakat.

2.1 SOROTAN KAJIAN

2.1.1 SOROTAN KAJIAN MENGENAI ISU-ISU MASYARAKAT

Kajian yang dijalankan oleh Rosnani Binti MD Zain (2017) yang bertajuk Fenomena Sosial Dalam Novel Pilihan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa elemen fenomena sosial yang diketengahkan dalam novel kajian antaranya ialah tatacara perhubungan dalam masyarakat, perpecahan dalam masyarakat, kebudayaan, kekeluargaan, kemiskinan, pembangunan sosioekonomi masyarakat, masalah sosial dan undang-undang tanah. Kajian ini dilakukan berdasarkan pertikaian kemenangan Razali Endun menerusi novel Nenek dalam Anugerah Hadiah Sastera Perdana 2014. Sementara itu, segelintir pihak menyatakan bahawa novel Nenek tidak layak memenangi anugerah tersebut kerana tidak menonjolkan fenomena semasa. Selain itu, ada pihak yang berpendapat bahawa novel Luka Nering karya Malim Ghozali PK lebih menepati kriteria kerana mengetengahkan persoalan semasa yang releven dalam konteks kehidupan masyarakat pada hari ini. Melalui isu-isu yang dibangkitkan mengenai kedua-dua novel tersebut, maka dapatan kajian ini membuat kajian dengan menfokuskan kepada aspek fenomena sosial yang terdapat dalam kedua-dua novel kajian. Dapatan kajian ini juga telah menggunakan kerangka teori fakta sosial yang diasaskan oleh Emile Durkheim untuk mencapai objektif kajian ini. Hasil kajian ini

FTKW

mendapati kedua-dua novel menonjolkan aspek fenomena sosial, namun fenomena sosial yang terdapat dalam novel Nenek lebih dominan berbanding novel Luka Nering. Ini jelas membuktikan bahawa novel Nenek sarat dengan fenomena masyarakatnya dan fenomena sosial yang diketengahkan dalam novel tersebut merupakan fenomena sezaman. Gambaran masyarakat yang diketengahkan oleh Razali Endun dalam novel Nenek yang begitu menyentuh hati kerana kesengsaraan yang terpaksa dilalui oleh penduduk kampung akibat penindasan golongan kapitalis.

Dapatan kajian Alifatul Qolbi Mu'arrof (2019) adalah mewakili masyarakat Pesisir dalam novel Gadis Pesisir karya Nunuk Y. Kusmiana. Dalam kajian tersebut, terdapat banyak isu yang boleh dibangkitkan dalam novel tersebut kerana ia menfokuskan kepada kehidupan masyarakat di kawasan pesisir pantai Papua. Dapatan kajian menunjukkan ia menfokuskan kepada gambaran wanita pesisir pantai dalam meneliti kehidupan sosial yang dibawa dalam novel ini. Berdasarkan dapatan kajian yang bertajuk Representasi Masyarakat Pesisir: Analisis Semiotik dalam Novel Gadis Pesisir Nunuk Y. Kusmiana, makna masyarakat pesisir sering membawa kepada makna negatif. Ini bermakna Nunuk Y. Kusmiana menggunakan beberapa pilihan kata yang berbeza maka melalui pemilihan kata tersebut terdapat pelbagai makna kehidupan yang sering berlaku dalam kehidupan sosial masyarakat dan juga terdapat isu-isu masyarakat yang penting untuk diketahui daripada kajian tersebut. Oleh itu, akan diterangkan tentang lambang-lambang dan maknanya yang muncul melalui pemilihan kata dalam novel Gadis Pesisir dalam menggambarkan kehidupan masyarakat pesisir pantai di Papua. Gadis Pesisir mengisahkan kehidupan pendatang di kota Jayapura menerusi novel ini memberi gambaran tentang kepelbagaian suku dan budaya di Indonesia yang menjadi satu tempat pada awal 1970-an. Nunuk sebagai pengarang mengambil latar

FTKW

belakang perkampungan nelayan di pesisir pantai untuk memberikan kritikan terhadap ekonomi, pendidikan dan kehidupan sosial yang jauh dari pemerintahan. Isu masyarakat dalam dapatan kajian ini turut diceritakan tentang kehidupan nelayan miskin yang terhad dalam pilihan dan nasibnya ditentukan.

Kajian dilakukan oleh Irwan Latif Nurdin (2017) bertajuk Masalah Sosial dalam Novel Lelaki Harimau karya Eka Kurniawan. Dapatan kajian ini menjadi latar belakang kajian masalah sosial yang terdapat dalam novel Lelaki Harimau karya Eka Kurniawan adalah kerana novel ini mempunyai jalan cerita tentang gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat khususnya ia berlaku dalam persekitaran keluarga. Dapatan kajian ini lebih menfokuskan kepada masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat. Manakala, dapatan kajian ini juga menggunakan teori sosiologi kerana teori ini membincangkan tentang manusia dalam masyarakat. Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan masalah sosial yang berlaku dalam novel Lelaki Harimau karya Eka Kurniawan. Sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah koleksi berkaitan gejala sosial dalam novel Lelaki Harimau karya Eka Kurniawan. Hasil isu masyarakat yang diperolehi dalam dapatan kajian ini seperti jenayah membunuh, mencuri, mendera isteri, masyarakat keluarga yang gagal dari segi komunikasi, isu seksual dan seangkatan.

Marcita Fajarwati (2018) adalah untuk melihat realiti sosial pada zaman revolusi yang terdapat dalam artikel sebelum ini bertajuk Gambaran Masalah Sosial Masyarakat Dalam Novel Lingkar Tanah Lingkar Air Karya Ahmad Tohari Dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Sastra Indonesia Di Sekolah. Dalam dapatan ini, masalah sosial masyarakat dalam novel Lingkar Tanah Lingkar Air merangkumi lima isu tentang kemiskinan, ketidaksamaan sosial, konflik Indonesia-Belanda, masalah

generasi muda dalam masyarakat moden dan konflik antara kumpulan revolusioner. Sementara itu, masalah sosial masyarakat yang dialami oleh watak utama dan nilai-nilai yang terkandung dalam novel boleh dijadikan bahan pembelajaran dan media untuk menumbuhkan kesedaran dan kepekaan. Sampel kajian menggunakan teks novel Lingkar Tanah Lingkar Air karya Ahmad Tohari dan pengumpulan data menggunakan perpustakaan dengan mengumpul data berkaitan dengan membaca dan merekod. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Lingkar Tanah Lingkar Air karya Ahmad Tohari menggambarkan situasi sosio-politik semasa revolusi Indonesia. Perubahan sosial yang begitu pesat dan asas dalam pelbagai dimensi kehidupan menimbulkan banyak masalah sosial masyarakat.

Kajian telah dijalankan oleh Riza Permata Sari (2018) terhadap artikel sebelum ini bertajuk Masalah Sosial dalam novel Ketika Lampu Berwarna Merah. Dapatan kajian ini berkaitan dengan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang berbeza jangkaan mereka. Hasil dapatan ini bermakna masalah sosial adalah berkaitan dengan keadaan ketidakseimbangan antara unsur nilai dan norma sosial dalam masyarakat yang boleh membahayakan anggota masyarakat bagi mencapai matlamat. Sorotan bagi kajian ini adalah untuk menghuraikan bentuk gejala sosial yang berlaku dalam novel Ketika Lampu Berwarna Merah karya Hamsad Rangkuti. Sampel bagi dapatan kajian ini adalah kualitatif iaitu analisis kandungan, manakala data yang digunakan adalah koleksi berkaitan gejala sosial dalam novel. Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat beberapa masalah sosial dalam novel Ketika Lampu Berwarna Merah karya Hamsad Rangkuti seperti kejahatan yang sudah direncanakan oleh beberapa orang untuk menyingkirkan gelandangan-gelandangan yang tinggal di tepi sungai, perperangan yang terdapat berupa pertentangan yang dilakukan antara kelompok remaja dengan

FTKW

menggunakan senjata api dan mencari keributan di jalan raya, pelanggaran terhadap norma dalam masyarakat berupa alkoholisme iaitu pemuda-pemuda yang meminum keras dan memakan ubat-ubatan yang terlarang, pelacuran yang dilakukan oleh wanita-wanita yang menjual dirinya dengan cara tidur dengan lelaki-lelaki yang membutuhkannya dan perzinaan yang dilakukan oleh sepasang kekasih yang tidak memiliki ikatan nikah dan kependudukan yang dihadapi masyarakat desa dan kota sehingga menyebabkan mereka harus transmigrasi.

Naufal Iman dan Eggy Fajar Andalas (2018) adalah untuk mengetahui representasi kehidupan beragama masyarakat Islam Kejawen di Yogyakarta yang berlaku pada tahun 1868 M – 1912 M dalam novel Dahlan: Sebuah Novel karya Haidar Musyafa. Dapatan kajian ini untuk menjawab permasalahan dalam novel. Dapatan kajian mendapati masyarakat masih mempercayai perkara berkaitan Tahayul-Bid'ah-Churafat dan masyarakat mengamalkan ajaran sadranan dan oburampe yang tidak mempunyai dalil dalam al-Quran dan Hadis. Hasil dapatan tersebut mendapati novel Dahlan: Sebuah Novel banyak menceritakan tentang kehidupan beragama masyarakat Yogyakarta dengan berbagai macam kehidupan manusia mulai dari kehidupan beragama, sosial hingga kemasyarakatan. Dalam bentuk novel Dahlan: Sebuah novel juga diceritakan tentang kehidupan masyarakat Islam Jawa (kejawen) di mana mereka memeluk Islam hanya dengan menukar agama sahaja. Namun begitu, mereka masih mengamalkan ajaran agama terdahulu yang wujud di Indonesia seperti Hindu-Buddha. Dapatan kajian ini juga memberitahu bahawa novel Dahlan: Sebuah Novel tidak pernah dikaji sebelum ini daripada mana-mana pihak menyebabkan artikel ini ingin membuat kajian agar pembaca mengetahui gambaran kehidupan beragama masyarakat Islam Kejawen pada tahun 1868 Masihi -1912. AD di Jawa, khususnya di Yogyakarta.

FTKW

Dapatan kajian Gusti Rahayu (2018) bertajuk Masalah Sosial dalam Novel Kusut karya Ismet Fanany. Dapatan kajian ini berkaitan dengan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat khususnya dalam hubungan silang budaya antara Indonesia dan Amerika. Masalah yang ditemui ialah kemiskinan, jenayah, kekacauan keluarga, pelanggaran norma masyarakat dan isu alam sekitar. Sampel kajian ini adalah kualitatif iaitu analisis kandungan dengan teknik pengumpulan data dilakukan dengan tiga langkah iaitu membaca dan memahami novel, menanda masalah sosial dalam novel dan menginventori data. Dapatan kajian ini mengkaji berkenaan dengan masalah sosial seperti jenayah dalam bentuk kecurian dan penipuan, penceraian dan perselingkuhan yang dialami Desna, pelanggaran norma masyarakat dalam bentuk zina dan homoseksual yang dilakukan oleh Desna, Ben, Yetty, Rahman, dan Joe.

Kajian yang dilakukan oleh Che Abdullah Che Ya, Mawar Shafie dan Misran Rokimin (2010) bertajuk Manusia dan Kuasa: Meneliti Politik Perpartian dalam Beberapa Novel Melayu 1970-an hingga 1980-an. Dapatan ini berkaitan dengan politik kepartian dalam beberapa novel Melayu yang dihasilkan pada tahun 1970-an dan 1980-an di mana novel-novel yang dikaji seperti Sutan Baginda dan Tunggul-Tunggul Gerigis karya Shahnon Ahmad, Juara karya S. Othman Kelantan, Tokoh Terpilih karya Rahman Shaari, dan Buai Diayun Anak Dicubit karya Marwilis Haji Yusof. Persoalan politik digarap menggunakan pendekatan politik kuasa kerana dunia politik itu sendiri berkisar kepada persoalan percanggahan pendapat dan kepentingan sesama anggota masyarakat yang turut melibatkan soal kuasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa isu-isu masyarakat seperti perebutan kuasa, permusuhan, konflik, lobi-melobi, penyelewengan, dan penganiayaan adalah perkara biasa yang sering berlaku dalam kehidupan sebenar, terutamanya dari segi politik perpatian. Situasi yang digambarkan sebagai konflik

FTKW

ideologi, permusuhan, perselisihan dan penyelewengan semuanya berkait rapat dengan kuasa yang dituntut dan dimiliki oleh individu atau kumpulan tertentu. Keinginan untuk mempunyai kuasa ini mewujudkan konflik untuk kuasa atau perebutan kuasa dalam sesebuah masyarakat. Perebutan ini berlaku sama ada secara ganas atau halus dan inilah yang boleh didapati dalam novel-novel politik ini.

Afriza Yuan Ardias, Sumartini dan Mulyono (2019) prihatin terhadap permasalahan dan fokus dapatan kajian ini terhadap bentuk konflik masyarakat yang terdapat dalam novel Karena Aku Tak Buta karya Rendy Kuswanto dan menfokuskan kepada kewujudan atau faktor konflik masyarakat dan membentuk penyelesaiannya. Hasil analisis dapatan kajian ini menunjukkan konflik masyarakat yang terdapat dalam novel Karena Aku Tak Buta karya Rendy Kuswanto terdiri daripada tiga masalah utama yang merangkumi kewujudan konflik masyarakat, punca konflik masyarakat dan penyelesaian masalah konflik masyarakat. Dapatan ini mengharapkan pembaca mengetahui dan memahami bentuk konflik masyarakat dan bentuk penyelesaian konflik masyarakat yang terkandung dalam novel Kerana Aku Tak Buta karya Rendy Kuswanto secara mendalam dan boleh mengambil hikmah dari sisi manusia.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakob Hassan dan Muhammad Haron Husaini (2013). Kajian lepas ini bertajuk Masalah Sosial dan Politik dalam Novel Pilihan oleh Najib Mahfuz dan Shahnon Ahmad. Kajian ini cuba melihat dan mengukur sejauh mana masalah yang terdapat dalam karya Najib Mahfuz dan Shahnon Ahmad sebagai manifestasi fenomena sosial semasa. Selain itu, kajian ini juga melihat sejauh mana terdapat persamaan dan perbezaan antara kedua-dua penulis dalam meluahkan masalah melalui karya mereka dan mengenal pasti punca perbezaan

FTKW

tersebut. Kajian ini mengambil sampel dua belas novel pilihan mereka. Dalam dapatan kajian ini bagi mencapai matlamat kajian yang ingin dilakukan, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kajian sosiologi dan perbandingan. Masalah sosial dan politik dalam novel Najib Mahfuz mengambil situasi politik tertentu sebagai latar belakang cerita dan kemudian mengaitkannya bersama, manakala bagi Shahnon Ahmad yang karya kreatifnya mengetengahkan isu politik dan cuba meluahkan rasa tidak puas hati terhadap fenomena sosial dan politik. Dapatan kajian menunjukkan karya kedua-dua pengarang ini mendapati mereka telah berjaya membawa masalah politik semasa ke dalam karya kreatif mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan dan Haris Abd. Wahab (2014) adalah untuk mengenal pasti pihak yang terlibat dalam mengawal masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pesisir pantai. Tajuk kajian lepas ini ialah Pengurusan Masalah Sosial Yang Berlaku Dalam Masyarakat Pesisir Pantai Kelantan. Dalam kajian, kawalan masalah sosial dikategorikan kepada dua bentuk iaitu kawalan formal oleh organisasi dan kawalan tidak formal oleh keluarga dan masyarakat. Sampel kajian terdiri daripada 250 orang responden yang dipilih secara rawak dan ditemu bual menggunakan borang soal selidik. Antara kawalan formal oleh pertubuhan yang banyak terlibat dalam mengawal masalah sosial masyarakat pesisir pantai ialah Polis Diraja Malaysia, sekolah dan Jawatankuasa Masjid. Selain itu, masyarakat pantai sendiri juga telah mengambil pelbagai tindakan untuk mengawal gejala sosial dalam kalangan anak-anak mereka serta anggota masyarakat yang lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kawalan masalah sosial dalam kedua-dua bentuk ini memainkan peranan yang sangat besar dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pesisir pantai. Menurut Nik Wan Omar (2006), walaupun pelbagai program

FTKW

pembangunan telah dilaksanakan tetapi masih banyak isu dan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pesisir pantai kerana kebanyakan masyarakat pesisir pantai ini terdiri daripada petani, penternak dan nelayan maka kesemuanya tergolong dalam golongan kategori miskin.

Kajian lepas mengenai topik Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan. Kajian ini dijalankan oleh Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan dan Syamsul Azizul Marinsah (2018). Kajian ini membincangkan kepelbagaian isu melibatkan pelbagai unsur seperti provokasi, prejudis dan persepsi yang dikaitkan oleh pelbagai punca, ia sama ada secara dalaman atau luaran yang khususnya berlaku ketika peralihan kuasa pasca PRU14. Isu sensitif yang wujud dalam masyarakat Malaysia merentasi kepercayaan, agama serta etnik perkauman. Berbanding sebelum ini, isu yang timbul lebih bersifat keagamaan dan perkauman. Dalam kajian ini berkaitan isu sensitif akan dikenal pasti secara rawak melalui media cetak dan media sosial serta kandungannya akan dianalisis untuk mencapai objektif kajian ini. Selain itu, pendekatan juga digunakan dalam kajian ini iaitu pendekatan kesederhanaan akan digubal sebagai penyelesaian untuk menanganinya berdasarkan isu-isu sensitif. Menurut Novri (2014) memberitahu bahawa manusia adalah makhluk konflik iaitu makhluk yang sentiasa mencari perbezaan dan persaingan sama ada dalam pertentangan fizikal atau idea, baik dalam tujuan positif mahupun negatif.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.1.2 SOROTAN KAJIAN MENGENAI TEORI KONFLIK

Kajian ini telah dijalankan oleh Mas'udi (2015). Artikel sebelum ini bertajuk Akar-Akar Teori Konflik: Dialektika Konflik; Core Perubahan Sosial Dalam Pandangan Karl Marx Dan George Simmel. Konflik yang mana ia timbul di tengah-tengah kehidupan masyarakat itu sendiri. Untuk itu, kajian ini melihat fenomena kemunculan konflik dan beberapa ahli sosiologi membina andaian yang pelbagai. Kajian ini melihat kepada Marx dan Simmel sebagai pemula analisis konflik cuba memberikan penjelasan tentang teori ini dari dua sudut pandangan. Menurut Marx yang ingin melihat masyarakat dalam perjuangan kelasnya. Sementara itu, Simmel melihat bahawa dalam pertumbuhannya, konflik memberikan fungsi pengembangan dalam masyarakat yang baik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sudut pandangan yang dibangunkan oleh Simmel tentang bahagian teori konflik adalah titik tekan beliau sendiri kepada konsep bahawa individu dan masyarakat mempunyai pola kesalinghubungan antara satu sama lain. Sampel kajian diambil melalui dua orang tokoh iaitu Marx dan Simmel. Analisis konflik terhadap realiti kehidupan sosial menjadi fakta yang cukup mengagumkan untuk dikaji dalam dapatan ini.

Kajian M. Wahid Nur Tualeka (2017) menggunakan konflik sosial merupakan satu fenomena sosial yang menarik bagi dikaji dan diteliti. Dapatan kajian ini terhadap artikel bertajuk Teori Konflik Sosiologi Klasik Dan Modern. Dalam dapatan ini memberikan kefahaman tentang pelbagai teori konflik yang wujud. Jelas dalam dapatan ini memaparkan dua kumpulan teori konflik iaitu klasik dan moden. Teori konflik klasik cenderung melihat konflik dari segi sifat manusia yang cenderung bermusuhan antara satu sama lain dan mendominasi antara satu sama lain terutamanya dari segi kuasa,

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

manakala teori konflik moden lebih kompleks dan muncul sebagai kritikan terhadap teori fungsionalisme struktur. Dapatan kajian ini turut memaparkan tokoh-tokoh teori konflik yang terbahagi kepada dua fasa iaitu tokoh sosiologi klasik dan tokoh sosiologi moden.

2.1.3 SOROTAN KAJIAN MENGENAI NOVEL TUAN DIREKTUR

Rosyda Amalia, Dr Aprinus Salam dan M.Hum (2019) bertajuk Pandangan Dunia Hamka dalam Novel Tuan Direktur: Kajian Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann. Dapatan kajian ini lebih tertumpu kepada pencarian nilai-nilai otentik yang dilakukan oleh hero problematik dalam dunia yang terdegradasi melalui hubungan antara tokoh homolog dan struktur sosial mereka. Nilai-nilai otentik ini merujuk kepada pandangan dunia pengarang dalam novel yang seterusnya berperanan sebagai perantara untuk melihat kelompok sosial pengarang yang membantu penciptaan novel. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hero yang problematik dalam usaha mereka untuk mengatasi dunia yang terdegradasi telah berjaya mencari nilai-nilai yang otentik. Hal ini dapat diketahui melalui hubungan antara tokoh homolog dengan struktur sosialnya. Nilai-nilai otentik ini kemudiannya merujuk kepada pandangan dunia pengarang iaitu pandangan humanisme keagamaan. Pandangan dunia ini tidak dapat dipisahkan daripada kelompok sosial pengarang hasil daripada struktur subjek kolektif dan pemusnahan pengarang (Hamka) iaitu persekitaran hidup di mana dia dibesarkan (Minangkabau), pemikiran dua orang pembaharu Islam di Mesir (Jamaluddin Al Afghani dan Muhammad Abduh) dan masyarakat-masyarakat diikuti oleh pengarang seperti Muhammadiyah, Pedoman Masyarakat, MUI (Majelis Ulama Indonesia) dan Al Azhar.

FTKW

2.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sorotan kajian amat penting dalam penyelidikan kerana ia merupakan satu proses penyelidikan bagi pemahaman serta penilaian secara teliti terhadap kajian lepas yang saling berhubung kait dengan persoalan dalam kajian yang akan dijalankan. Proses membuat sorotan kajian sangat membantu pengkaji dalam membina masalah kajian serta menjawab persoalan kajian yang khusus. Secara ringkasnya, sorotan kajian lepas yang dijalankan secara mantap, intensif dan meluas akan membolehkan pengkaji memahami masalah kajian secara keseluruhan sama ada dari sudut teori, mahupun dari sudut persekitaran atau kontekstual. . Dalam sorotan kajian ini telah membantu memahami tentang isu-isu masyarakat sepanjang artikel lepas yang ditemui. Ia dapat menilai isu-isu masyarakat yang telah dikaji dari aspek yang berbeza. Sorotan kajian diambil daripada artikel lepas berkenaan dengan isu-isu masyarakat atau masalah sosial, teori konflik dan novel Tuan Direktur karya Hamka.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Selain itu, metodologi kajian menjadikan kajian lebih sistematik dan proses menjalankan kajian lebih fokus dalam mencapai objektif. Bab ini akan menerangkan metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji telah merancang secara sistematik berkenaan metodologi dan strategi kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui kaedah tertentu. Metodologi kajian juga penting supaya kajian yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian.

Kajian ini akan menfokuskan kepada kajian kualitatif yang merujuk kepada kajian yang tidak dapat dijelaskan dengan data numerik, di mana terdapat perkara-perkara tertentu yang memerlukan pemerhatian yang teliti dan data daripada penjelasan perkataan lisan tidak dapat dianalisis dalam bentuk angka bilangan maka data kualitatif secara umumnya dipersembahkan dengan menggunakan penjelasan analitikal pada teks. Oleh hal yang demikian, kaedah kajian yang dirangka dalam kajian ini adalah melibatkan kerangka teori, kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah analisis teks.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian bagi mengkaji isu-isu masyarakat, ia tidak berbentuk deskriptif kerana menggunakan kaedah kualitatif dalam proses pengumpulan data dan analisis data kajian ini. Reka bentuk ini digunakan untuk melihat bagaimana isu-isu masyarakat dipersembahkan dalam karya sastera. Selain itu, reka bentuk ini penting untuk sesuatu kajian sebagai panduan bagi memastikan objektif kajian tercapai dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian ini hanya sesuai digunakan sebagai kaedah kualitatif. Dalam kaedah kualitatif akan menggunakan pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah analisis teks.

3.1.1 KAEDAH KUALITATIF

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan yang menghasilkan penemuan buku menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif lain. (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) memberitahu bahawa penyelidikan kualitatif sebagai ‘verstehen’ atau pemahaman yang mendalam. Pendekatan 'verstehen' adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal terhadap fenomena tanpa bergantung sepenuhnya pada abstraksi perwakilan berangka. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan seseorang sendiri atau perkataan yang dituturkannya (Bogdan & Taylor, 1975).

Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji sesuatu fenomena secara mendalam (Johnson, 1995) dan melibatkan kajian interpretif terhadap sesuatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menfokuskan kepada maksud yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al, 1994). Selain itu, dalam penyelidikan kualitatif lazimnya banyak persoalan dan masalah yang timbul daripada pemerhatian yang dibuat, dilema dan persoalan dari dunia sebenar dan dalam bentuk pertanyaan yang meluas (Marshall & Rosmann, 1989). Kebanyakan penyelidikan kualitatif percaya bahawa cara terbaik untuk memahami fenomena adalah dengan melihatnya dalam konteks. Penyelidikan kualitatif cuba mendedahkan sifat pengalaman seseorang dengan fenomena sosial secara semula jadi (Strauss & Corbin, 1990).

Dalam kajian ini dilakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena yang terdapat dalam teks sastera. Oleh itu, kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah analisis teks. Melalui data kualitatif yang telah dikumpul, kandungan akan dianalisis secara tematik untuk membuat rumusan daripada kajian isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur karya Hamka.

3.1.2 PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data seperti data sekunder. Pengumpulan data sekunder lebih mengutamakan penyelidikan daripada mengumpul data daripada novel Tuan Direktur. Selain itu, pengumpulan data akan diperoleh dengan merekod iaitu membuat rekod data yang mengambil data daripada novel Tuan Direktur dan

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

sebarang artikel yang memaparkan tentang teori konflik. Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data yang diperlukan untuk analisis iaitu kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah analisis teks. Pengumpulan data dari novel Tuan Direktur hanya tertumpu kepada isu-isu masyarakat.

3.1.2.1 KAEDAH KEPUSTAKAAN

Kaedah kepustakaan merujuk kepada segala usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk menghimpun informasi yang relevan dengan topik atau masalah yang akan atau sedang diteliti. Pada kajian ini menggunakan kajian kepustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan kepustakaan awam negeri Kelantan bagi mendapatkan informasi dari buku-buku ilmiah, laporan penelitian, karangan-karangan ilmiah, tesis, artikel disertakan juga dengan peraturan-peraturan, ketetapan-ketetapan, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis berkenaan dengan isu-isu masyarakat, novel Tuan Direktur dan teori konflik. Teori yang ingin digunakan ini dapat ditemukan dengan melakukan kajian kepustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat releven berkenaan tajuk kajian ini. Oleh itu, kajian kepustakaan merupakan suatu kegiatan yang tidak dapat dipisahkan dari suatu penelitian.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.1.2.2 KAEDAH INTERNET

Kaedah internet merupakan satu kaedah yang menakjubkan bagi para pengkaji untuk mencari maklumat, kemahiran menilai maklumat dan kaedah yang tepat bagaimana merujuk sumber maklumat yang diperoleh melalui internet. Kajian ini menggunakan kaedah internet dalam mendapatkan data dan info tambahan yang boleh digunakan dalam membantu menyiapkan kajian ini. Melalui kaedah ini juga, dapat membantu mencari artikel-artikel kajian lepas berkaitan dengan isu-isu masyarakat, novel Tuan Direktur dan teori konflik bagi menjadikannya sebagai bahan rujukan dalam menulis kajian. Di samping itu, kaedah internet ini juga membantu dalam mencari maklumat berkaitan dengan tokoh yang telah menghasilkan novel Tuan Direktur dan membantu dalam mengetahui sinopsis novel tersebut. Maklumat-maklumat tambahan yang diperoleh melalui kaedah ini amat membantu dalam mengukuhkan lagi data dan dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini.

3.1.2.3 KAEDAH ANALISIS TEKS

Kaedah analisis teks iaitu salah satu metodologi dalam ruang lingkup kajian penelitian kualitatif yang menitikberatkan pada analisis atau interpretasi bahan tertulis berdasarkan konteksnya. Bagi kajian ini melalui kaedah analisis teks diteliti secara intrinsik bagi mengenalpasti isu-isu masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang iaitu Hamka dengan merujuk kepada watak-watak yang terdapat dalam novel Tuan Direktur. Data penelitian berbentuk teks yang mengandungi

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur merupakan cetakan ke-4, namun ia pertama kali diterbitkan pada tahun 1939. Isu-isu masyarakat yang dipaparkan ini dilihat berdasarkan persepsi pengarang sebagai usaha untuk memberi kesedaran nasional kepada pembaca dan juga untuk menyampaikan kritikan sosial melalui hasil karyanya itu sendiri. Selain itu, teks-teks berkaitan isu-isu masyarakat yang diperolehi dari novel Tuan Direktur akan dijadikan sebagai contoh dalam bahagian analisis. Melalui teks dalam novel Tuan Direktur inilah membolehkan kajian ini dapat disiapkan dengan berjaya.

3.2 PENERAPAN TEORI

Penerapan teori dalam kajian dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji meneroka teori yang digunakan dalam kajian supaya teori yang digunakan bersesuai dengan objektif. Antara teori yang dipakai dalam kajian ini ialah teori konflik yang dikemukakan oleh empat tokoh dan merupakan teori dibawah teori sosiologi.

3.2.1 TEORI KONFLIK

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori konflik yang digagaskan oleh empat tokoh iaitu Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel. Berdasarkan kepada teori ini akan dianalisiskan dalam isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur. Teori konflik merupakan teori dibawah teori sosiologi. Hal ini kerana teori-teori sosiologi yang terdapat ini terhasil daripada warisan yang telah diasaskan

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

oleh tokoh-tokoh yang terawal. Teori sosiologi ini mula dikembangkan dan telah mewujudkan teori-teori lain seperti teori fungsionalisme, teori konflik dan juga teori interaksionisme. Ketiga-tiga teori tersebut mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam mengkaji kepelbagaian kajian sosiologi.

Dalam sosiologi, adalah mungkin untuk mengenali kewujudan teori konflik yang mampu memahami konflik dari sudut padang ilmu sosial. Teori konflik ialah teori yang menganggap bahawa perubahan sosial tidak berlaku melalui proses penyesuaian nilai yang membawa perubahan, tetapi berlaku akibat konflik yang menghasilkan masalah yang berbeza daripada situasi. Teori konflik lahir sebagai asas kepada teori struktur fungsional yang melihat kepentingan ketenteraman dalam masyarakat.

Teori konflik ini dibangunkan bertujuan untuk menentang secara langsung teori struktur fungsional kerana tidak hairanlah apabila pandangan yang dikemukakan oleh penganutnya bercanggah dengan pandangan yang terdapat dalam teori struktur fungsional. Jika mengikut teori struktur fungsional, masyarakat dilihat dalam keadaan stabil atau lebih tepat bergerak dalam keadaan keseimbangan. Masyarakat sentiasa dalam proses perubahan berdasarkan percanggahan yang berterusan antara unsur-unsurnya. Sebaliknya penganut teori struktur fungsional melihat anggota masyarakat secara tidak formal terikat dengan nilai, norma, dan moral umum, maka teori konflik menilai ketertiban yang wujud dalam masyarakat hanya disebabkan tekanan atau paksaan terhadap kuasa daripada orang yang berkuasa.

Teori ini bertujuan untuk menganalisis asal usul sesuatu peristiwa yang berlaku kerana pelanggaran peraturan atau latar belakang seseorang yang mempunyai tingkah

FTKW

laku negatif. Konflik di sini menekankan sifat pluralistik masyarakat dan ketidakseimbangan agihan yang berlaku antara pelbagai golongan kerana kuasa yang dimiliki oleh golongan elit maka golongan tersebut juga mempunyai kuasa untuk mencipta peraturan khususnya undang-undang yang boleh membawa kepentingan kepada mereka.

Selain itu, konflik merupakan fenomena sosial dan ia merupakan realiti bagi setiap masyarakat dan merupakan gejala sosial yang akan hadir dalam kehidupan bermasyarakat sehingga menimbulkan konflik yang sentiasa wujud dalam setiap ruang dan masa. Bentuk konflik sosial tersebut boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti konflik antara individu, kumpulan atau kaum. Terdapat empat teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh seperti:

3.2.1.1 TEORI KONFLIK DIKEMUKAKAN OLEH KARL MARX

Teori konflik yang terkenal ialah teori konflik yang dikemukakan oleh Karl Marx mengenai teori kelas. Karl Marx yang mencipta teori konflik ini merupakan bapa kepada teori konflik kelas yang merupakan komponen empat paradigma utama sosiologi. Teori konflik ini yang memaparkan untuk menonjolkan aspek ideologi yang wujud dalam pemikiran tradisional. Teori konflik ini menfokuskan kepada perbezaan kuasa seperti konflik kelas dan ia amat sesuai digunakan sebagai analisis kepada peringkat makro masyarakat.

Perkembangan situasi tersebut menimbulkan konflik antara kedua-dua kategori sosial tersebut sehingga akhirnya berlaku konflik antara kedua-dua kelas tersebut. Konflik yang dilakukan oleh pihak atasan terhadap orang bawahan secara berterusan akhirnya akan menimbulkan kesedaran di kalangan orang bawahan untuk bangkit dan berjuang supaya berlaku perubahan sosial yang besar seperti revolusi sosial. Menurut ramalan Marx bahawa orang bawahan akan memenangi perjuangan kelas ini dan akan mewujudkan masyarakat tanpa kelas dan tanpa negara.

Dalam perjalanan hidup, manusia perlu kepada kesedaran tentang kehidupannya di alam semesta ini. Setiap manusia dibezakan oleh pola-pola ketidaksamarataan. Berdasarkan pandangan yang dibangunkan oleh Marx tentang keazaman dan kemunculan banyak polemik sosial dengan pandangan Turner mengukuhkan lagi bahawa Marx masih berharap ada cara yang boleh diambil bagi mencari alternatif kepada konflik dengan perkembangan perspektif fungsional dalam teori sosiologi. Ini akhirnya boleh menjadi lompatan intelektual dalam dunia sosial.

Teori yang dibangunkannya adalah berdasarkan beberapa pertimbangan berikutan hubungan sosial yang masih menimbulkan konflik kepentingan. Sistem sosial yang berkembang di tengah-tengah kehidupan masyarakat akan memberi kesan yang membolehkan timbulnya konflik. Konflik yang timbul di tengah-tengah kehidupan masyarakat adalah bertujuan untuk menimbulkan kontroversi yang hebat khususnya berkaitan kuasa dan konflik merupakan elemen utama yang mendorong perubahan dalam sistem sosial.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2.1.2 TEORI KONFLIK DIKEMUKAKAN OLEH GEORGE SIMMEL

Teori konflik seterusnya yang dikemukakan oleh George Simmel iaitu idea utama yang dikembangkan oleh Simmel tentang bahagian teori konflik ialah titik tekanan dirinya kepada konsep bahawa individu dan masyarakat mempunyai pola kesalinghubungan antara satu sama lain. Dalam konsep konfliknya, Simmel menegaskan bahawa pemikiran individu perlu rasional dengan realiti sosial.

Dalam kerangka ini, Simmel menegaskan bahawa konflik yang berlaku dalam kehidupan sosial adalah tingkah laku manusia untuk mencapai kesejahteraan sosial. Simmel dengan tegas melalui analisis Wallace dan Wolf menegaskan bahawa konflik perlu diselesaikan dalam usaha untuk melakukannya dengan baik dengan menekankan bahawa semua orang boleh berdiri bersama walaupun pada hakikatnya mereka mempunyai kecenderungan untuk tidak bersetuju dengan orang lain. Simmel turut menegaskan bahawa masyarakat akan sentiasa melahirkan keharmonian, konflik, cinta dan benci.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2.1.3 TEORI KONFLIK DIKEMUKAKAN OLEH LEWIS A. COSER

Teori konflik seterusnya yang turut mempengaruhi teori konflik dalam sosiologi ialah teori yang dikemukakan oleh Lewis A. Coser. Walaupun Coser kadangkala diletakkan dalam paradigma yang berbeza tetapi melalui karyanya dilihat dia tetap komited dengan pandangan teori yang utama. Sumbangan Coser kepada teori masih tertumpu kepada tradisi fungsionalisme walaupun tidak seketat model Naturalis. Coser menganggap teori konflik lebih sebagai teori masyarakat daripada pendekatan yang menerangkan keseluruhan masyarakat. Dia lebih dekat dengan pandangan Robin William, seorang pengikut fungsionalisme yang mengatakan bahawa masalah masyarakat berlaku kerana saling bergantung dan paksaan.

Pandangan Coser tentang teori sosiologi ialah satu kesatuan pandangan yang merangkumi teori konflik dan juga konsensus separa. Dalam tradisi Duekheim yang menekankan untuk menjelaskan fakta sosial, sosiologi mesti menggunakan fakta sosial yang lain. Coser menekankan keperluan untuk teori sosiologi yang menggunakan masalah untuk menjelaskan realiti sosial. Oleh itu, model manusia Coser jelas di luar kebiasaan psikologi sosial dan sebenarnya lebih dekat dengan kem sosiologi tradisional.

Manusia bukanlah manusia bebas yang boleh melakukan apa sahaja yang dia mahu. Secara zahirnya, konsep yang diutarakan sememangnya cukup

FTKW

memuaskan dan menggembirakan pembaca tetapi segala teori yang diungkapkan tidak mungkin didedahkan untuk ujian yang mendalam.

3.2.1.4 TEORI KONFLIK DIKEMUKAKAN OLEH RALF DAHRENDORF

Teori konflik lain ialah teori yang dikemukakan oleh Ralf Dahrendorf yang berpendapat bahawa masyarakat terdiri daripada organisasi berasaskan kuasa iaitu penguasaan satu pihak terhadap pihak lain atas dasar paksaan atau dominasi yang diterima dan diiktiraf oleh pihak yang didominasi yang mana ia dipanggil 'Imperatively Coordinated Associations' kerana kepentingan kedua-dua pihak dalam persatuan tersebut adalah berbeza. Parti pemerintah mempunyai kepentingan untuk mengekalkan kuasa, manakala parti yang dikawal mempunyai kepentingan untuk memperoleh kuasa yang boleh membawa kepada perubahan sosial. Oleh itu, menurut Dahrendorf, konflik adalah sumber perubahan sosial.

Idea utama teori konflik yang dikemukakan oleh Dahrendorf ialah setiap masyarakat tertakluk kepada proses perubahan di mana-mana, konflik di mana-mana, setiap elemen masyarakat menyumbang kepada perubahan sosial dan setiap masyarakat adalah berdasarkan paksaan beberapa ahli terhadap ahli yang lain. Walaupun dalam banyak hal, teori Dahrendrof serupa dengan teori Lewis Coser. Dalam karya terkenalnya “Class and Class Conflict in Industrial Society” (1959), Dahrendrof menyatakan bahawa konflik hanyalah teori partial. Bagi

FTKW

Coser dan Dahrendrof dalam analisis struktur sosial konflik merupakan satu fenomena yang mesti diberi perhatian.

Persamaan antara kedua-dua ahli teori dan antara Dahrendrof dan kaum fungsional struktur boleh dilihat lagi dalam andaian asas mereka tentang realiti manusia, masyarakat dan makna penting teori sosiologi. Dahrendrof telah menyediakan perbincangan eksplisit tentang modal insan yang dianggap sebagai analisis sosiologi. Dia menyatakan bahawa semua orang yang dibincangkan oleh sains sosial adalah makhluk abstrak yang aneh. Dahrendrof menyatakan bahawa peranan adalah kunci dalam memahami sosiologi manusia. Setiap orang menduduki kedudukan sosial dan setiap jawatan itu perlu memainkan peranan.

Dahrendrof menyatakan bahawa setiap peranan mencapai tahap tertentu supaya tidak membiarkan pelakunya terus berdikari. Masyarakat membentuk tingkah laku manusia, tetapi manusia pada tahap tertentu sebaliknya membentuk masyarakat. Dahrendrof menyatakan bahawa realiti, status ekonomi dan status sosial ia adalah bukan penentu kelas. Menurut istilah yang digunakannya benar-benar boleh mempengaruhi intensiti konflik. Beliau menekankan pandangannya sebagai semakin rendah komunikasi antara kedudukan dan aspek status sosio-ekonomi yang lain, semakin rendah intensiti konflik kelas dan sebaliknya.

Dalam erti kata lain, kumpulan yang menikmati status ekonomi yang agak tinggi kurang berkemungkinan terlibat dalam konflik ganas dengan struktur kuasa mereka yang tersisih daripada status ekonomi dan kuasa. Bagi Dahrendrof sama seperti Coser dalam masyarakat yang mana percanggahan itu

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

tidak boleh dihapuskan. Percanggahan sedemikian berfungsi untuk pembangunan dan perubahan struktur sosial. Menurut Dahrendrof, analisis masyarakat dari segi pandangan konflik menunjukkan hakikat bahawa anggotanya boleh dikelompokkan kepada dua kategori iaitu mereka yang berkuasa dan mereka yang dikawal.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.3 KERANGKA KONSEPTUAL

Pada bahagian kerangka konseptual akan memberi gambaran secara keseluruhan penggunaan teori dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang.



FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan secara terperinci tentang kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian yang melibatkan reka bentuk kajian kualitatif dan kerangka teori. Bahagian metodologi kajian ini juga menerangkan tentang teori konflik yang dikemukakan oleh empat tokoh. Berdasarkan huraian terperinci yang telah dinyatakan dalam bab ini, pengkaji telah berusaha untuk mengikuti metodologi dan prosedur yang telah digariskan dengan sebaik mungkin. Ini kerana pengkaji ingin memastikan kajian ini mencapai objektif yang telah digariskan. Selain itu, pengkaji telah memilih teori konflik yang telah dikemukakan oleh empat orang tokoh untuk diaplikasikan dalam karya Hamka bagi analisis isu-isu masyarakat.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Pada bab ini, pengkaji akan membincangkan secara terperinci tentang isu-isu masyarakat dengan mengklasifikasikan isu tersebut menggunakan sebuah novel. Antara novel tersebut ialah novel Tuan Direktur karya Hamka. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji isu-isu masyarakat yang terdapat di dalam novel tersebut dengan aplikasikan teori konflik. Berdasarkan kajian ini, kita dapat melihat bagaimana pengarang cuba menyampaikan isu-isu yang terdapat dalam hidup bermasyarakat dan isu tersebut juga boleh menyebabkan berlakunya kepada pertelingkahan diantara masyarakat yang sesama sendiri. Oleh itu, isu-isu tersebut akan dikenalpasti melalui watak-watak yang terdapat dalam novel Tuan Direktur bagi mencapai objektif yang pertama dalam kajian ini. Seterusnya, terdapat satu lagi objektif yang terakhir bagi kajian ini ialah menganalisis isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur dianalisis menggunakan teori konflik. Tambahan pula, kajian ini akan menggunakan teori konflik yang dikemukakan oleh empat orang tokoh iaitu Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel.

Isu masyarakat ialah isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang mempengaruhi sebahagian besar atau semua anggota masyarakat dan dianggap isu kontroversi berkaitan nilai moral. Ia juga termasuk dalam isu kemiskinan, keganasan,

FTKW

pencemaran, ketidakadilan, pencabulan hak asasi manusia, jenayah dan sebagainya. Isu-isu masyarakat ini mempunyai pengertian yang luas, ia bukan sahaja meliputi masalah masyarakat tetapi meliputi masalah-masalah dalam masyarakat berkaitan gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan hasil penemuan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak isu-isu masyarakat yang berlaku dalam novel Tuan Direktur. Hal ini berkemungkinan kerana latar cerita dalam novel Tuan Direktur ini adalah berkisarkan tentang kehidupan masyarakat yang mengejar kekayaan wang ringgit sehingga melupakan kekayaan budi seperti manusia kecil yang terdaya bangun berdiri megah mendongak langit dan tidak kekar sehingga lupa rumput di bumi. Secara jelas, novel tersebut amat sesuai dalam menganalisis isu-isu masyarakat.

4.1 MENGENALPASTI ISU-ISU MASYARAKAT DALAM NOVEL TUAN DIREKTUR KARYA HAMKA

Menelusuri novel Tuan Direktur karya Hamka, pengkaji dapat memperolehi beberapa isu masyarakat yang dipaparkan dalam novel tersebut. Sepertimana yang kita ketahui, isu-isu masyarakat sememangnya sering berlaku dalam kehidupan masyarakat. Isu masyarakat yang berlaku sering kali memberi kesan yang buruk kepada individu atau kelompok masyarakat yang lain. Di samping itu, hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa isu masyarakat yang dipaparkan dalam novel Tuan Direktur ini sememangnya kerana sikap pentingkan diri sendiri.

Pengarang novel Tuan Direktur iaitu Hamka, beliau cuba menjelaskan bahawa isu-isu masyarakat yang terkandung dalam novel tersebut, sering kali isu masyarakat

tersebut yang berlaku dalam dunia realiti. Berdasarkan penelitian pengkaji berkenaan novel karya Hamka ini, pengkaji mendapati bahawa Hamka ingin memberitahu tentang isu masyarakat yang timbul kerana masyarakat yang rakus kepada harta duniawi semata-mata. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah berjaya meneliti beberapa isu masyarakat yang terdapat dalam novel Tuan Direktur karya Hamka.

Tambahan pula, isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur yang digambarkan dalam kisah individu. Melalui novel Tuan Direktur, isu masyarakat banyak yang ditimbulkan oleh Jazuli yang mana isu tersebut akan dikaji oleh pengkaji secara terperinci dengan mendalam dalam kajian ini. Kisah isu masyarakat bermula apabila masyarakat yang meletakkan wang dan pangkat sebagai laluan untuk mengejar segala keinginan dalam hidup.

Pengkaji akan meneliti isu tersebut berdasarkan kepada watak yang telah mencetuskan berlakunya isu-isu masyarakat. Antara isu-isu masyarakat yang dapat dikenalpasti dalam novel Tuan Direktur seperti masyarakat yang sombong, masyarakat tamak harta dan kehormatan, masyarakat masih percaya tahyul, masyarakat terlibat dengan rasuah, masyarakat bercakap bohong, masyarakat tidak bersyukur dan masyarakat mempunyai sifat dengki. Pengarang menimbulkan isu masyarakat tersebut yang relevan dengan isu semasa tempatan. Tuntasnya, pengarang menjadikan isu masyarakat itu sebagai asas menggerakkan naratif. Hal ini, kita lihat bahawa isu-isu masyarakat yang dinyatakan itu adalah salah satu perebutan kuasa yang dipaparkan dengan penuh drama.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2 MENGANALISIS ISU-ISU MASYARAKAT DALAM NOVEL TUAN DIREKTUR ANALISIS TEORI KONFLIK

4.2.1 MASYARAKAT YANG SOMBONG

Merungkai istilah masyarakat yang sombong adalah orang yang lebih cenderung suka membicarakan mengenai dirinya sendiri. Sifat sombong ini tergolong dalam kalangan mereka yang suka mempamerkan kelebihan diri atau harta yang sedang dimiliki kepada orang lain. Selain itu, manusia yang sombong ialah manusia yang suka memperlekehkan kemampuan manusia lain dan berasa seolah-olah dirinya adalah yang terbaik daripada orang lain.

Kita lihat ramai cerdik pandai di kalangan kita dan pemimpin berkuasa yang membawa dan mempamerkan sikap sombong. Mereka menjadi sombong dan angkuh kerana mempunyai kuasa sebagai penjawat awam atau memegang jawatan tertentu, berilmu sama ada ilmu dunia atau ilmu akhirat, berharta, mempunyai kehebatan fizikal atau keturunan yang baik. Kelebihan yang mereka perolehi yang dikurniakan oleh Allah SWT tidak menjadikan mereka manusia bersyukur dengan perasaan syukur tetapi menjadikan mereka manusia yang sombong.

Menerusi kajian ini, karya yang dipilih adalah berdasarkan kepada berlatarbelakangkan kisah wang yang boleh dijadikan titian untuk menyeberangi batang air kekurangan dan dengan adanya wang segala maksud boleh berhasil. Hal ini boleh dilihat pada watak Jazuli dalam novel Tuan Direktur seorang yang kaya-raya dan

FTKW

angkuh. Beliau seorang yang sombong kerana sanggup membuang sahabat-sahabatnya yang bersama-sama berjuang selama ini. Jazuli telah membuang sahabatnya sendiri semata-mata demi wang dan pangkat yang diperolehinya. Jazuli telah dimabuk oleh wang dan kekayaan dunia sehingga dia tidak menyesali sekiranya dia terpaksa kehilangan sahabatnya itu.

Di samping itu, sejak Jazuli merasa dirinya kaya dan wang yang dimilikinya sudah cukup dan segala-gala baginya untuk dia menjadi kuda menuju tujuan sebenarnya, tetapi sebenarnya dia miskin, miskin dengan sahabat handai yang jujur dan setia bersama dia dalam memperjuangan perusahaan. Malah sikap sombong yang dimiliki oleh Jazuli itu telah menjadikan dia kian miskin dengan budi pekerti kerana dia sentiasa inginkan dirinya disanjung dan dipuji oleh orang. Oleh kerana sikap sombong dirinya itu menyebabkan dia menjadi seorang yang takbur. Sebagai contoh, hal ini dapat diperhatikan menerusi petikan berikut:

> Waktu itu bapa baharu kenal benar siapa Jazuli atau Tuan Direktur, baru bapa tahu bahawa dia seorang anak muda yang dapat bayangan penyakit takbur.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 61)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa terdapatnya isu-isu masyarakat yang cuba disampaikan oleh pengarang dalam karya sastera yang dikaji. Menerusi petikan tersebut, pengarang cuba menyampaikan bahawa siapa disebalik nama Jazuli atau Tuan Direktur iaitu seorang manusia yang sombong. Berdasarkan kepada disebalik watak Jazuli yang mempunyai penyakit sombong itu, dia telah menjadi manusia yang bertindak kejam kepada orang bawahan dan sahabat setia yang telah

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

bersama-sama dengan dia ketika waktu susah dahulu. Malah Jazuli juga memandang sahabatnya itu bukan layak untuk berdampingi dan bersahabat dengan dia lagi setelah dia menjadi seorang pemuda yang kaya.

Selain itu, sikap sombong Jazuli yang dapat dilihat dia telah berlaku kejam terhadap orang bawahan. Hal ini dapat dilihat ketika Jazuli dalam usaha untuk memperluaskan perusahaannya itu, Jazuli telah bertindak kejam dengan membuang kakitangan perusahaannya yang Jazuli berasa tidak cekap dalam melakukan kerja. Jazuli tidak peduli atau tidak kisah sekiranya ada kakitangan yang menangis-nangis untuk bekerja bagi menyara keluarga mereka tetapi bagi Jazuli, dia hanya mahukan perusahaannya maju, malah dia tidak kisah walau terpaksa kehilangan kawan sekerja sekali pun.

Di sini kita dapat lihat bahawa mereka yang mempunyai sikap sombong, mereka akan kehilangan banyak kawan dan kebanyakan orang tidak akan suka berkawan dengan mereka yang sombong. Sebagai masyarakat juga, kita perlu mengelakkan diri dari sikap sombong kerana sombong akan merugikan diri sendiri, malah sikap sombong juga tidak akan membawa seseorang itu mampu maju ke hadapan. Dalam agama sendiri tidak menyukai kepada mereka yang mempunyai sikap sombong kerana sikap sombong ini menunjukkan peribadi manusia yang tidak baik.

Sebagaimana yang kita ketahui, sombong termasuk dalam kategori suka meremehkan orang lain dan mengangap bahawa dialah yang benar semuanya. Meremehkan orang dengan cara tidak yakin dengan kebolehan yang ada pada orang lain. Oleh itu, menerusi novel yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa pengarang turut

FTKW

menyelitkan isu masyarakat yang sombong seperti meremehkan orang lain. Sebagai contoh, dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

> "Apa? Ada pulakah orang yang lebih cerdik dari saya?" kata Tuan Direktur dengan bangga.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 9)

Menerusi petikan tersebut, dapat dilihat bahawa pengarang cuba menyampaikan sikap manusia sombong yang tidak suka dibandingkan dengan orang lain atau tidak suka sekiranya orang lain lebih pandai dari dirinya. Di sini jelas menunjukkan bahawa isu-isu masyarakat banyak terkandung dalam novel Tuan Direktur yang berkaitan dengan masyarakat yang sombong yang mana sikap sombong wujud disebabkan wang dan pangkat yang tinggi. Tambahan pula, sikap sombong yang jelas kita lihat pada watak Jazuli yang mana disebabkan wang, ia dijadikan sebagai alat bagi Jazuli memperolehi keuntungan dalam perusahaannya. Oleh itu, Jazuli telah memandang semua orang yang bekerja di dalam perusahaannya itu sebagai cangkul dan tembilang iaitu sebagai alat untuk menggali wang buat dirinya.

Ini juga selari dengan teori konflik yang dikemukakan oleh Lewis A. Cose. Oleh yang demikian, Lewis A. Cose menganggap teori konflik lebih sebagai teori masyarakat daripada pendekatan yang menerangkan keseluruhan masyarakat. Dalam teori konflik oleh Lewis A. Cose yang menerangkan tentang perbezaan konflik yang menjadi dua iaitu konflik realistik dan tidak realistik. Bagi kajian ini, pengkaji melihat isu masyarakat yang sombong diambil melalui konflik yang realistik kerana teori tersebut memberitahu wujud kekecewaan individu atau kumpulan masyarakat terhadap sistem dan tuntutan yang wujud terhadap hubungan sosial.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Di samping itu, ada mengatakan bahawa isu masyarakat terjadi kerana adanya saling ketergantungan dan paksaan. Jelaslah bahawa isu masyarakat yang sombong amat sesuai diaplikasikan dengan teori konflik yang dikemukakan oleh Lewis A. Cose. Secara lazimnya, beliau telah menyatakan tentang paksaan dan kerana itu pengkaji mendapati isu masyarakat sombong ini telah menyebabkan orang sekeliling terpaksa berbohong untuk memuaskan hati majikan yang sombong. Hal ini dapat dilihat oleh pekerja Jazuli yang menyatakan tiada yang lebih cerdik daripada Tuan Jazuli. Perbohongan oleh pekerja Jazuli itu kerana terpaksa bagi mengambil hati majikannya. Kebergantungan juga boleh mencetus kepada isu masyarakat yang mana sikap sombong menyebabkan sesiapa yang bergantung kepada majikan sombong akan mengalami sesuatu yang buruk dan dapat menimbulkan konflik antara mereka.

4.2.2 MASYARAKAT TAMAK HARTA DAN KEHORMATAN

Isu masyarakat tamak dari segi bahasa, tamak bermaksud rakus hatinya. Manakala menurut istilah tamak ialah cintakan dunia iaitu cintakan harta yang terlalu keterlaluan tanpa mengira hukum haram yang mengakibatkan dosa besar. Selain itu, tamak juga merupakan sikap yang sentiasa ingin mendapatkan sesuatu yang banyak untuk diri sendiri. Orang yang tamak sentiasa mengharapkan pemberian daripada orang lain, tetapi dirinya kikir atau bakhil. Dia mahu mengumpul kekayaan untuk kepentingan dirinya tanpa mengikut peraturan. Tamak adalah pembolehubah yang sering dikaitkan dengan kejatuhan seseorang.

Di samping itu, seorang yang tamak sentiasa merasakan harta yang dimiliki sentiasa kurang dan tidak mahu bersyukur. Tamak juga termasuk dari salah satu penyakit hati yang tidak istiqamah kepada rahmat Allah SWT dan jiwanya sentiasa resah kerana sentiasa menginginkan sesuatu. Orang yang tamak ini hidupnya seperti 'Terhuyung ke kiri dan ke kanan seperti pohon yang dihembus angin'. Oleh itu, tamak ini adalah fitrah manusia yang ingin memborong segala-galanya dan mengumpul segala-galanya. Jelaslah bahawa tamak adalah sikap tamak terhadap perkara yang bersifat material tanpa mengira yang halal dan yang haram.

Bagi tamak kehormatan pula ialah manusia yang tamak untuk mendapatkan kedudukan tinggi agar menjadi orang terpandang di tengah-tengah masyarakat. Mereka ini sanggup melakukan apa sahaja asal segala kemahuan mereka tercapai. Lazimnya, kita tahu bahawa tamak kehormatan adalah orang yang berbahaya kerana mereka tidak mengambil peduli atau prihatin atas nasib orang lain. Tambahan pula, tamak kehormatan juga mereka yang selalu ingin dihormati oleh semua orang tidak kira muda atau tua. Oleh itu, melalui novel yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa pengarang turut memuatkan isu masyarakat yang tamak harta dan kehormatan. Hal ini diperhatikan sebagaimana petikan berikut:

> Rupanya di dalam sujud dan rukuk itu tuan hanya merancang bagaimana supaya wang tuan bertambah banyak, untuk membeli puji sanjung manusia….
>
> (Tuan Direktur, 2015: 54)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang cuba menyampaikan bahawa Jazuli ini sanggup membeli pujian orang dengan adanya wang. Sekirangnya orang itu mempunyai

FTKW

wang, mereka akan mendapat segala-galanya termasuklah pujian manusia. Dalam novel Tuan Direktur, Jazuli sanggup menjadi manusia yang kejam kerana dia sanggup memecat kakitangan pekerjanya tanpa belas kasihan. Jazuli mempunyai segala sifat yang buruk kerana dia mahukan segala-galanya dalam hidup sehingga dia lupa mana yang baik dan buruk. Jazuli telah mendapat kekayaan tetapi dia manusia yang tidak cukup kepada kekayaan yang sudah sedia ada tetapi dia mahukan lagi kehormatan, malah dia juga mahukan kemuliaan.

Di samping itu, sikap tamak harta dan kehormatan ini dalam novel Tuan Direktur dapat dilihat pada watak Jazuli juga sanggup membuang sahabatnya yang merasakan bahawa sahabatnya itu tidak sesuai untuk dijadikan sahabat. Jazuli sanggup memberhentikan sahabatnya iaitu Fauzi dari bekerja di bawah perusahaannya kerana merasa Fauzi tidak layak lagi bekerja dengan dia. Jazuli telah menganggap sahabatnya itu sebagai musuhnya yang besar kerana sahabatnya itu sentiasa memberi nasihat kepada Jazuli setiap hari atas sikap tamak harta dan kehormatan itu. Disebabkan itu, Jazuli membuang sahabatnya kerana tidak pandai menyanjung dan memujinya sebaliknya memberikan nasihat yang pahit dan pedih semata-mata. Sebagai contoh, dapat dilihat pada petikan di bawah:

> "Dek kerana nyanyian merdu yang selalu disumbatkan oleh tukang sanjung dan puji, dia pun lupa kepada kebenaran. Dia menjadi tamak kepada wang, dan kerana tamaknya itu dia pun memutuskan perhubungannya dengan segenap sahabat-sahabatnya yang setia."
>
> (Tuan Direktur, 2015: 23)

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Petikan di atas jelas memberitahu bahawa isu masyarakat yang tamak harta dan kehormatan yang diselitkan oleh pengarang dalam novel Tuan Direktur. Kita dapat lihat melalui Jazuli yang telah dimabuk dengan wang ringgit sanggup untuk kehilangan sahabat yang setia bersama dia dalam membina sebuah perusahaan, namun disebabkan gila dalam mengejar wang dan pujian menyebabkan dia telah kehilangan semua sahabatnya. Oleh itu, masyarakat tamak harta dan kehormatan ini merupakan salah satu isu masyarakat yang cuba diselitkan oleh Hamka dalam novel beliau iaitu novel Tuan Direktur.

Sekiranya diri manusia itu telah dikuasai oleh wang semata-mata menyebabkan manusia tersebut akan merasai kehilangan syurga dunia dalam hidup. Kebanyakan orang yang mengumpul atau tamak kepada wang, mereka akan kelihatan gagah, mampu dan cukup segalanya pada penglihatan mereka yang bodoh sahaja sedangkan tidak tahu bahawa mereka yang tamak ini telah menyusahkan diri dengan berjaga siang dan malam semata-mata mahu menambahkan wang dan memperolehi kehormatan.

Selain itu, tamak yang ada dalam diri Jazuli telah membuatkan dia lupa akan kehormatan dirinya kerana dalam fikiran dia hanya mengejar harta sahaja. Hati Jazuli telah menjadi kesat bagai batu kerana dia tidak merasa puas dengan kesenangan yang telah diperolehi. Masyarakat yang hanya mencari wang serta ingin sahaja mengumpul harta akan mereka lupa perkara yang lebih bermakna daripada wang iaitu mereka akan melupakan budi, sedangkan budi itulah menjadikan manusia yang mempunyai sifat kemanusiaan dan mereka yang kejar wang juga akan melupakan agama yang merupakan bahtera menuju ke akhirat, malah kerana wang juga mereka akan melupakan teman, padahal di dalam hidup ini manusia tidak boleh berdiri di atas kaki sendiri.

FTKW

Berdasarkan kepada masyarakat tamak harta dan kehormatan, kita dapat lihat sendiri bahawa mereka yang mempunyai sikap negatif seperti ini tidak ramai mahu berkawan atau bekerjasama dalam perniagaan. Hal ini kerana mereka tahu bahawa manusia yang tamak harta dan kehormatan ini, suatu hari nanti akan memberi kesan yang buruk atau boleh mendatangkan masalah kepada mereka. Di sini kita mampu menilai bahawa mereka yang mempunyai sikap tamak harta dan kehormatan, manusia itu tidak akan memiliki ramai kawan dan mereka akan mengalami kesusahan dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

Hal ini juga dapat diaplikasikan dengan menggunakan teori konflik yang cuba disampaikan oleh Ralf Dahrendorf yang mempunyai pandangan bahawa pihak penguasa berkepentingan untuk mempertahankan kekuasaan. Menurut Ralf Dahrendorf lagi, konflik hanya timbul melalui hubungan sosial dalam sistem. Oleh itu, konflik tidak mungkin melibatkan individu atau kumpulan yang tidak berkaitan dalam sistem.

Selain itu, kuasa yang dimaksudkannya ialah kuasa ke atas kawalan yang mana pemerintah berkemungkinan memberi arahan dan keuntungan daripada mereka yang tidak berkuasa. Di sini pengkaji cuba untuk keluarkan isu masyarakat yang tamak harta dan kehormatan ini wujud kerana pihak majikan yang ingin mempertahankan hak yang dimiliki sehingga sanggup berlaku tamak dan menindas orang yang tidak berkuasa. Berdasarkan kepentingan untuk mempertahankan kekuasaan menyebabkan banyak orang terpaksa dizalimi.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 MASYARAKAT MASIH PERCAYA TAHYUL

Masyarakat yang percaya kepada tahyul apa yang boleh dijelaskan ialah tahyul atau khurafat bermaksud kepercayaan yang bukan-bukan tanpa sebarang asas. Tahyul boleh timbul daripada pelbagai faktor seperti kejahilan, salah faham sains, kepercayaan yang kuat terhadap kuasa ghaib atau ketakutan terhadap unsur-unsur yang tidak diketahui. Selain itu, tahyul sering merujuk kepada kepercayaan dan amalan yang berkisar tentang nasib, ramalan dan makhluk ghaib tertentu, terutamanya kepercayaan bahawa kejadian masa depan boleh diramalkan daripada peristiwa sebelumnya yang tidak berkaitan.

Kepercayaan terhadap tahyul ini memang tidak dapat dinafikan pada zaman serba moden ini, masih ramai umat Islam yang mempercayai perkara khurafat seperti menggunakan tangkal untuk melariskan perniagaan. Semua ini berpunca daripada kejahilan ilmu agama. Ia adalah punca utama manusia begitu percaya dengan amalan sihir dan khurafat. Mereka semua sanggup mendahulukan makhluk lain di hadapan berbanding Allah SWT.

Di samping itu, kelemahan iman dan taqwa menjadikan seseorang itu mudah terpengaruh dengan perkara khurafat. Mereka lupa bahawa beriman kepada qada dan qadar adalah perkara yang paling utama dalam rukun Iman. Oleh itu, mereka sanggup mencari ilmu palsu dan khurafat. Hal ini juga dapat dilihat dalam novel Tuan Direktur yang mana Jazuli yang tidak mempunyai iman yang kuat sehingga sanggup percaya kepada tahyul untuk melihat nasib perusahaannya. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

> "Di balik itu, dia sendirilah yang lebih percaya kepada tahyul, percaya kepada orang ghaib. Ya, ringgit berkemenyan yang tak ada percaya tetapi yang lebih dari itu dipercayanya."
>
> (Tuan Direktur, 2015: 22)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang cuba menyelitkan bahawa masih ada lagi masyarakat yang percaya kepada tahyul atau percaya kepada orang ghaib. Hal ini dapat dilihat dalam novel Tuan Direktur yang mana ada sahaja orang tua-tua yang berniaga masih mempercayai tahyul. Novel ini jelas menerangkan tentang masyarakat percaya tahyul dengan cara mereka mengambil sebuah wang ringgit lalu ditempelkan kepada ringgit itu kemenyan putih, diletakkannya di dalam kotak-kotak wangnya dan sampai berpuluh-puluh tahun dia berniaga. Selain itu, masyarakat yang pergi berjumpa bomoh untuk menanyakan nasib perusahaan dikemudian harinya.

Tambahan pula, dapat dilihat pada watak Kadri yang amat percaya kepada alam halus dan dia biasa berhubungan dengan roh orang yang telah mati. Selain itu, masyarakat percaya kepada tahyul dapat dilihat pada watak Jazuli yang mana dia akan melakukan perbuatan tahyul itu setelah dia mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kadri. Jazuli akan sentiasa berhubung dengan Kadri bagi tujuan dia melakukan perbuatan tahyul dan dapat mengetahui nasib perusahaannya di kemudian hari melalui Kadri.

Menerusi novel Tuan Direktur dapat dilihat pada watak Jazuli yang jelas percaya kepada tahyul kerana Jazuli sanggup memberhentikan Abdul Fattah dari pekerjaannya disebabkan Jazuli menerima nasihat daripada orang halus yang telah disampaikan oleh Kadri. Jazuli percaya kepada orang halus yang menyatakan bahawa

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Abdul Fattah tidak dapat dipakai dalam perusahaannya bagi mencapai kemajuan pada masa yang akan datang.

Menurut Haji Nawawi pula, Abdul Fattah seorang kakitangan yang lurus, jujur, setia dan hati-hati dalam menjalankan tugasnya di perusahaan Jazuli. Haji Nawawi cuba untuk memberitahu kepada Jazuli bahawa tindakan yang dilakukan Jazuli dalam memberhentikan Abdul Fattah dari perusahaannya adalah satu tindakan yang salah dan akan memberi kemerosotan kepada perusahaannya kelak, tetapi malangnya Jazuli berkeras dan lebih mempercayai kepada orang halus bahawa tindakannya itu betul kerana dengan memberhentikan Abdul Fattah boleh membuat perusahaannya lebih maju lagi.

Seterusnya, pengarang turut menyelitkan tentang Haji Nawawi yang cuba untuk memberi nasihat kepada Jazuli tetapi tidak dipedulikan oleh Jazuli. Mendengar sahaja nasihat dari Haji Nawawi yang bercakap terus terang itu, Jazuli bukan bertambah insaf tetapi Jazuli berasa marah kerana mata hati Jazuli telah dibutakan untuk menerima kebenaran dan dia lebih percaya menerima nasihat ilmu tahyul daripada Kadri. Semakin lama Jazuli tidak ada langsung keinsafan dalam dirinya malah semakin jauh dia jatuh ke bawah pengaruh Kadri sehingga Jazuli telah lekat percaya kepada tahyul tersebut.

Hasil daripada pengkaji meneliti jalan cerita yang dikarang oleh pengarang dalam novel Tuan Direktur ini, pengkaji mendapati salah satu isu masyarakat yang dapat diulas berdasarkan novel tersebut ialah isu masyarakat yang percaya kepada tahyul. Secara amnya, ia dilihat melalui watak Jazuli yang hidupnya dipengaruh dengan percaya kepada tahyul sehingga tidak dapat untuk menilai yang mana baik dan buruk.

FTKW

Sikap Jazuli yang percaya kepada tahyul telah membawa dia jauh dengan agama Islam sebenar. Tambahan pula, disebabkan tahyul Jazuli telah banyak melakukan perbuatan yang kejam kepada orang sekelilinya, malah Jazuli tidak mahu mendengar langsung nasihat orang lain kerana dirinya telah dibutakan dengan percaya kepada benda yang khurafat.

Menerusi novel Tuan Direktur, kita dapat lihat bagaimana timbul isu masyarakat yang percaya kepada tahyul. Walaupun dunia semakin canggih, namun masih terdapat lagi manusia yang masih percaya kepada tahyul. Kita dapat lihat di sini bahawa manusia yang menggunakan tahyul ini, mereka yang menginginkan keuntungan atau kemajuan dalam perniagaan secara cepat dengan menggunakan jalan yang salah dalam Islam. Dalam Islam juga telah mengharamkan kepada mereka yang mahu memajukan perniagaan dengan menggunakan khidmat tahyul kerana tindakan atau perbuatan tersebut telah diharamkan dalam Al-Quran.

Oleh itu, ia bersesuai dengan mengaplikasikan dalam teori konflik yang dikemukakan oleh George Simmel. Teori yang dikemukan oleh beliau, menyatakan bahawa konflik adalah sesuatu yang lumrah. Dalam hubungan superordinat dan subordinat mungkin berlaku konflik, walaupun dalam hubungan sosial yang rapat ia juga berlaku konflik atau ketegangan. Justeru, boleh dikatakan konflik sebagai salah satu bentuk asas interaksi. Selain itu, beliau menyatakan tentang konflik yang berlaku dalam kehidupan sosial merupakan sebuah tingkah laku manusia untuk mencapai kesejahteraan yang baik dalam sosial.

Menerusi novel Tuan Direktur, pengkaji melihat bahawa orang yang inginkan kesejahteraan, mereka akan sanggup melakukan apa sahaja walaupun tindakan yang mereka lakukan itu salah di sisi agama. Ia jelas memberitahu bahawa watak Jazuli yang inginkan kesejahteraan dalam perusahaannya, dia sanggup mempercayai tahyul. Tindakan tersebut telah menimbulkan rasa benci dalam kalangan masyarakat terhadap individu yang mempercayai perkara karut sehingga menimbulkan konflik dalam kehidupan sosial.

4.2.4 MASYARAKAT TERLIBAT DENGAN RASUAH

Merungkai istilah rasuah ialah penerimaan atau pemberian rasuah sebagai ganjaran atau dorongan bagi seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Antara suapan tersebut terdiri daripada wang, hadiah, bonus, diskaun dan sebagainya. Selain itu, sesiapa yang mengamalkan rasuah ini merupakan individu yang tidak jujur dan salah di sisi undang-undang. Melakukan rasuah ini dengan niat agar suatu hari nanti mendapat imbalan dan balasan yang lebih besar daripada orang tertentu sedangkan sebenarnya orang lain yang sepatutnya lebih berhak.

Pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan sebab seseorang itu melakukan perbuatan rasuah. Menurut pandangan Islam bahawa tingkah laku rasuah adalah disebabkan oleh beberapa sikap buruk dari jiwa manusia dan didorong oleh kuasa syaitan kerana kelemahan iman malah tidak percaya kepada qada dan qadar Allah SWT. Secara terperinci, tingkah laku rasuah ini didorong oleh sifat tamak, haloba, gila kuasa dan sebagainya.

FTKW

Rasuah boleh hadir dalam kehidupan seseorang apabila inginkan kehidupan mewah dan ingin cepat kaya dan sentiasa mengejar kebendaan tanpa mengira halal dan haram. Mereka hanya pentingkan nilai material dan mereka tiada sikap bertanggungjawab. Individu sebegini tidak mahu mengambil kira secara langsung bahawa dengan melakukan perbuatan rasuah, dia sebenarnya telah melakukan kezaliman, penganiayaan dan menafikan hak orang lain.

Selain itu, berdasarkan penelitian yang telah dilakukan menerusi novel Tuan Direktur karya Hamka, pengkaji mendapati bahawa pengarang telah menerapkan isu masyarakat yang telah terlibat dengan kelakuan rasuah kerana menginginkan tanah yang diduduki oleh penduduk kampung. Perkara ini sedikit sebanyak mampu menyerlahkan serta memberi gambaran secara jelas tentang isu-isu masyarakat yang terkandung dalam novel Tuan Direktur karya Hamka. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

> Orang yang tinggal di sana boleh disingkirkan ke tepi atau disuruh pergi, atau disuruh menjadi kuli di paberik itu kelak. Menurut pendapat Tuan Direktur, tanah itu mudah akan jatuh ke tangannya, sebab wangnya cukup, tak mahu seribu, dibayar dua ribu.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 29)

Berdasarkan petikan tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa terdapatnya isu masyarakat yang terlibat dengan kelakuan rasuah. Isu masyarakat ini telah diselitkan oleh pengarang pada watak Tuan Direktur atau namanya Jazuli berdasarkan novel yang dikaji. Menerusi petikan tersebut, pengarang cuba menyampaikan bahawa Tuan Direktur yang mahukan tanah tempat tinggal penduduk kampung dengan melakukan

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

rasuah iaitu memberi sesuatu dalam bentuk wang ringgit. Tuan Direktur yakin tanah itu akan jatuh ke tangannya kerana beliau mempunyai wang yang banyak untuk menarik perhatian penduduk kampung di situ.

Selain itu, berdasarkan penelitian yang telah dilakukan menerusi novel Tuan Direktur karya Hamka, pengkaji mendapati bahawa pengarang ada menyelitkan lagi kelakuan rasuah pada kakitangan pekerja Tuan Direktur untuk membantu majikannya itu bagi mendapatkan tanah penduduk kampung. Sebagai contoh, dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

> Saya cuba membawanya ke rumah saya, saya jamu dengan makanan yang enak-enak, saya sediakan senduk dan garpu, makan di meja, bersama-sama dengan anak-anak perempuan saya dan beberapa pemuda kerabat saya. Makanan di rumah kami itu diolok-oloknya pula. Saya katakan kepadanya, kalau sekiranya dia sudi menjual tanah itu dia akan kaya-raya, berwang banyak, dan akan dicarikan pula oleh Tuan Jazuli ganti tanah itu yang lebih baik tetapi dia tidak mahu.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 8)

Petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa pengarang turut menampilkan watak Mas Karto sebagai pekerja kepada Tuan Jazuli. Menerusi novel ini, pengkaji mendapati watak Mas Karto sememangnya banyak membantu Jazuli bagi mendapatkan tanah penduduk kampung dengan melakukan rasuah demi kepentingan yang diingini oleh majikannya itu. Pada bahagian ini, Mas Karto tidak berjaya untuk mendapatkan tanah walaupun dengan cara melakukan rasuah seperti memujuk dengan kata-kata yang manis tetapi Mas Karto masih lagi tetap tidak berjaya untuk mendapatkan tanah tersebut.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tindakan Jazuli yang inginkan tanah tersebut menyakibatkan penduduk kampung akan kehilangan tanah dan tempat berteduh. Penduduk kampung berasa tidak puas hati dengan tindakan Jazuli yang mahukan tanah mereka kerana sudah diketahui oleh penduduk kampung bahawa Jazuli telahpun mempunyai tanah yang banyak sehingga tanah yang dimiliki oleh Jazuli juga tidak digunakannya lagi tetapi Jazuli masih tetap mahukan tanah orang lain.

Kita dapat lihat bahawa masyarakat yang terlibat dengan rasuah akan memberi penderitaan kepada orang sekeliling mereka. Rasuah merupakan salah satu jenayah yang cukup besar dalam sesebuah negara kerana dengan rasuah dapat memecah belah persaudaraan. Mereka yang terlibat dengan rasuah ini, secara jelas mereka mempunyai kepentingan yang tersendiri untuk memajukan diri tanpa mempedulikan nasib orang disekeliling yang telah disakiti oleh mereka, malah mereka sanggup menjadi manusia yang kejam kerana merampas hak milik orang lain.

Hal ini bersesuai dengan teori konflik yang dikemukan oleh Karl Marx yang menyatakan bahawa teori konflik yang dikemukan oleh beliau yang memberi perhatian kepada perbezaan kuasa disebabkan konflik kelas dan teori ini amat sesuai bagi membuat analisis yang berkaitan dengan peringkat makro masyarakat. Perkembangan situasi tersebut menimbulkan konflik antara kedua-dua kategori sosial tersebut sehingga akhirnya berlaku konflik antara kedua-dua kelas tersebut. Konflik yang dilakukan oleh pihak atasan terhadap orang bawahan secara berterusan akhirnya akan menimbulkan kesedaran di kalangan orang bawahan untuk bangkit dan berjuang supaya berlaku perubahan sosial yang besar seperti revolusi sosial.

Jelaslah bahawa isu masyarakat yang terlibat dengan rasuah amat sesuai diaplikasikan dengan teori konflik yang dikemukakan oleh Karl Marx kerana individu yang biasanya memberi rasuah ini mereka yang berada di kaum atasan. Kaum atasan yang memberi rasuah kepada kaum bawahan untuk memperolehi keuntungan sehingga menindas kaum bawahan menyebakan berlaku kepada pertelingkahan. Selain itu, Karl Marx melihat teori konflik sebagai satu bentuk konflik kelas. Dari sudut itu, Karl Marx memperkenalkan konsep struktur kelas dalam masyarakat. Melalui teori konflik Karl Marx, beliau menilai konflik masyarakat yang berkaitan dengan kewujudan kumpulan yang berkuasa dan terkawal. Dalam teori Karl Marx, konflik kelas disebabkan oleh konflik kepentingan ekonomi.

Hal ini berlaku dalam novel Tuan Direktur yang mana Jazuli memberi rasuah kepada penduduk kampung untuk dia memperolehi tanah. Tindakan yang dilakukan oleh Jazuli itu akan menjadikan dia orang atasan yang menindas orang bawahan yang tidak mampu berbuat apa-apa. Penindasan yang terjadi pada kaum bawahan biasanya akan mendorong mereka berjuang melawan kezaliman yang dilakukan oleh kaum atasan demi meneruskan kelangsungan hidup. Bagi kaum bawahan, mereka percaya bahawa mereka akan dihapuskan sekirannya mereka tidak melawan.

4.2.5 MASYARAKAT BERCAKAP BOHONG

Istilah berbohong merupakan satu percakapan atau pertuturan tidak benar yang dituturkan oleh seseorang dengan sebab bagi pendengar untuk mempercayai pertuturannya. Bagi orang yang sudah kebiasaan dalam bercakap bohong boleh

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dipanggil pembohong. Orang yang sudah tidak dapat lari dari bercakap bohong menyebabkan pertuturan yang diucapkan atau diperkatakan mempunyai peluang yang sangat tipis dalam bercakap benar. Selain itu, pada individu yang suka bercakap bohong ini ada ketikanya mereka sengaja bercakap bohong bagi tujuan tertentu seperti menutupi kesalahan yang telah dilakukan, inginkan sesuatu dengan cara mendapatkannya dengan kebohongan, ingin mendapat pujian sehingga sanggup melontarkan perkara-perkara yang tidak benar dan sebagainya.

Seterusnya, mereka yang suka berbohong ini akan melukakan hati banyak pihak, malah bagi mereka untuk mendapatkan kepercayaan semakin sukar. Hal ini kerana mereka yang telah banyak dibohongi, mereka akan lebih berhati-hati dalam mempercayai seratus peratus percakapan oleh individu yang suka berbohong. Di samping itu, mereka yang telah dibohongi ini akan terluka dan mengambil masa yang lama untuk merubati luka tersebut sekiranya berbohongan yang dilakukan itu merupakan satu perbohongan yang susah dilupakan oleh individu yang menjadi mangsa pembohong.

Melalui novel Hamka yang berjudul Tuan Direktur, pengkaji mendapati bahawa pengarang telah menyelitkan isu masyarakat bercakap bohong yang berkaitan dengan melontarkan kata-kata manis dan rayuan. Dalam novel ini Jazuli telah bercakap bohong dengan sahabatnya supaya bekerja dengan dia. Pada ketika itu, perusahaannya sedang terdesak dan amat memerlukan tenaga kerja yang aktif bagi memajukan perusahannya itu. Seterusnya, Jazuli memberikan janji kepada Fauzi dengan kata-kata yang manis sehingga Jazuli akan menganggap Fauzi seperti saudaranya sendiri. Jazuli juga menyatakan bahawa tidak akan ada rasa perbezaan diantara mereka berdua sekiranya

FTKW

perusahaan mereka yang dibina bersama semakin maju. Tetapi malangnya segala pertuturan Jazuli itu semua bohong, malah Jazuli juga sangguh membuang sahabatnya sendiri keluar dari perusahaannya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan tersebut:

> Engkau gelisah tidur malam kerana memikirkan bagaimana akal supaya wangmu bertambah, atau bagaimana akal supaya dapat pula menipu orang lain, mengajak bersahabat, berkongsi atau bekerja dengan engkau, akan engkau beri laba, tetapi kelak bila rasanya tidak berguna lagi, akan engkau sepakkan pula dia keluar kantormu.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 86-87)

Berdasarkan petikan tersebut, jelaslah menggambarkan bahawa watak Jazuli merupakan watak seorang individu yang mempunyai sikap buruk kerana Jazuli seorang individu yang pentingkan diri sendiri tanpa menghiraukan perasaan orang lain. Selain itu, watak tersebut juga dilihat sebagai seorang yang tidak bertanggungjawab ke atas kakitangan kerana sesuka hati membuang pekerja dari perusahaan sekirangya apa yang diperolehi sudah tercapai.

Tambahan lagi, Jazuli telah menggunakan tipu helah atau perbohongan dalam menarik orang untuk bekerjasama dalam memajukan perusahaan dengan kata-kata manisnya itu. Selepas itu, sekiranya dia sudah berasa perusahaannya sudah stabil, dia sudah tidak peduli dengan nasib orang lain malah dengan senang hatinya dia menarik rezeki orang lain. Oleh itu, hal ini tidak wajar diikuti dan dicontohi oleh golongan majikan.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Menerusi novel Tuan Direktur, pengkaji dapat mengeluarkan isu masyarakat seperti bercakap bohong. Bagaimana isu masyarakat bercakap bohong boleh timbul kerana sikap pentingkan diri sendiri. Mereka yang mempunyai sikap buruk seperti ini kebanyakan kerana mereka menginginkan sesuatu yang mereka percaya dengan mereka melontarkan kata-kata manis, mereka akan cepat memperolehi apa sahaja kemahuan mereka yang diingini. Kita lihat di sini bahawa mereka yang suka berbohong tidak akan mempunyai ramai kawan disebabkan semua orang takut untuk berkawan dengan mereka yang suka berbohong.

Hal ini dapat diaplikasikan dengan menggunakan teori konflik yang cuba disampaikan oleh George Simmel. Teori yang dikemukakan oleh beliau, menyatakan konflik yang berlaku dalam kehidupan bermasyarakat merupakan tingkah laku manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat. Di samping itu, usaha untuk melakukan kesejahteraan dengan menekankan bahawa semua orang boleh berdiri bersama walaupun pada hakikatnya mereka mempunyai kecenderungan untuk tidak bersetuju dan berbohong dengan orang lain.

Di samping itu, menurut George Simmel, konflik terjadi merupakan bentuk dasar dari interaksi antara individu mahupun kelompok sehingga memungkinkan interaksi dapat terus berlangsung. Hal ini juga berlaku dalam watak Jazuli yang interaksi terus berlangsung walaupun dia dalam percakapan bohong. Pengkaji melihat dari segi perbohongan yang dilakukan oleh Jazuli tersebut untuk mencapai kesejahteraan dalam hidupnya sehingga dia sanggup berselisih dengan orang lain kerana berbohong. Hal ini jelas dinyatakan dalam teori konflik yang dikemukakan oleh George Simmel.

4.2.6 MASYARAKAT TIDAK BERSYUKUR

Masyarakat yang tidak bersyukur adalah antara punca manusia tidak mensyukuri nikmat yang Allah SWT berikan. Ini kerana manusia hanya suka membandingkan dirinya dengan orang yang lebih kaya dan banyak harta dunia. Mereka semua sentiasa melihat diri mereka tidak disenangi oleh orang lain sama ada dari segi harta benda, pangkat, rupa dan sebagainya. Tambahan pula, mereka yang tidak suka bersyukur jika dikatakan telah mendapat banyak nikmat tetapi masih merasa tidak cukup malah mengatakan tidak mendapat kesenangan seperti orang lain.

Di samping itu, apabila pengkaji meneliti novel Tuan Direktur, pengkaji mendapati bahawa pengarang ada juga menyelitkan isu masyarakat yang tidak bersyukur. Hal ini dapat dilihat pada watak Jazuli yang mana Jazuli tidak mensyukuri dengan nikmat kurniaan Allah SWT yang telah memberinya perusahaan yang maju, pangkat yang tinggi dan tanah sudah sedia ada yang dia punya tetapi Jazuli masih lagi berasa tidak cukup dengan apa yang sudah dia miliki. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

> Tetapi belum juga rasanya tercapai apa yang terasa di hati. Kekayaan belum cukup untuk menyampaikan cita-citanya, masih banyak rasanya yang perlu.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 67)

Berdasarkan kepada petikan tersebut, dapat dilihat bahawa pengarang cuba menyampaikan sikap manusia yang tidak bersyukur dengan anugerah yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya. Hasil penelitian pengkaji dalam karya Hamka

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

menerusi novel Tuan Direktur ini, pengkaji mendapati bahawa Jazuli yang tidak bersyukur dengan kekayaan dan wang ringgit yang sudah dimiliki tetapi dia masih lagi inginkan tanah Pak Yasin yang merupakan tanah tempat tinggal penduduk kampung. Jazuli berangan sekiranya dia memperolehi tanah dari Pak Yasin, perusahaan dan hartanya semakin banyak kerana dengan tanah Pak Yasin itu, Jazuli ingin membina sebuah vila di Malang, Lawang atau Batu. Jazuli merasa dengan dia membina vila tersebut, dia dapat menjadi hartawan seperti hartawan Arab dan Tionghoa.

Di samping itu, apabila pengkaji meneliti lagi novel Tuan Direktur ini, pengkaji mendapati bahawa pengarang sentiasa menyelitkan isu masyarakat yang tidak bersyukur. Hal ini jelas dapat dilihat pada Jazuli yang sentiasa memikirkan wang ringgit. Jazuli tidak mahu tidur meskipun hari telah larut malam. Apa yang dia fikirkan hanyalah harta dan wang ringgit yang boleh menjadi titian untuk Jazuli bagi menyeberangi batang air kekurangan dan dengan adanya wang segala yang diingini akan membuahkan hasil. Jazuli yang tidak bersyukur dengan apa yang telah dia perolehi, dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

> Lebih-lebih lagi kalau Pak Yasin menjual tanahnya kepadanya.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 20)

Berdasarkan petikan tersebut, jelaslah menunjukkan bahawa Jazuli tidak merasa cukup dengan harta dan wang yang telah banyak malah Jazuli masih mengharapkan tanah dari Pak Yasin. Jazuli telah membuat harapan yang mana setelah dia mendapat tanah tersebut, Jazuli ingin menjadikan tanah itu kelak bagi dia menambah mata perusahaannya. Di tanah Pak Yasin itu juga Jazuli hendak mendirikan sebuah rumah

tempat tinggal, malah dia juga hendak mendirikan sebuah paberik tenun kerana Jazuli pernah mendengar dari Margono bahawa kain sarung tenunan amat maju pada masa ini di seluruh Indonesia.

Sikap tidak bersyukur ini merupakan salah satu sikap orang yang tidak beriman yang mana mereka tidak percaya dengan rezeki yang telah ditakdirkan untuk mereka. Sepatutnya mereka perlu bersyukur dengan rezeki yang diperolehi kerana masih ada orang lain yang lagi susah hidupnya. Oleh itu, kita tidak sepatutnya mengejar lagi kemewahan sebaliknya bersyukur sahaja dengan apa yang ada di depan mata berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai apa-apa dalam menjalani kehidupan seharian.

Hal ini bersesuai dengan teori konflik yang dikemukan oleh oleh Ralf Dahrendorf yang mempunyai pandangan bahawa pihak penguasa berkepentingan untuk mempertahankan kekuasaan. Mereka yang ingin mempertahankan kekuasaan menyebabkan berkemungkinan penguasa itu memberi perintah dan meraih keuntungan dari mereka yang tidak berkuasa. Di sini pengkaji cuba untuk keluarkan isu masyarakat yang tidak bersyukur dengan apa yang telah diperolehi.

Perbuatan tidak bersyukur yang berlaku pada watak Jazuli itu, pengkaji cuba untuk memberitahu bahawa isu itu dikeluarkan dalam kajian ini kerana mengambil pandangan dari Ralf Dahrendorf dalam teori konflik. Beliau memberitahu bahawa pihak penguasa yang ingin mempertahankan kekuasaan walaupun dengan cara yang salah iaitu merampas hak orang lain. Oleh itu, pengkaji melihat pada watak Jazuli yang tidak bersyukur dengan wang ringgit yang sudah banyak dimilikinya tetapi masih lagi

FTKW

mahukan tanah untuk dia dapat mempertahankan kuasanya lagi. Mereka yang ingin mempertahankan kuasa demi kepentingan diri, mereka inilah yang ingin disampaikan oleh pengkaji tentang masyarakat yang tidak bersyukur.

4.2.7 MASYARAKAT MEMPUNYAI SIFAT DENGKI

Sifat dengki bermula dari mata, maka lahirlah perasaan tidak senang melihat orang lain bahagia. Akibatnya, timbullah sifat dengki yang luar biasa dan apabila orang yang dengki ditimpa kesusahan atau kemalangan, dia akan berasa puas dan gembira melihat orang lain dalam kesusahan. Orang yang hasad dengki ini, dia akan takut jika orang itu berjaya dan lebih hebat daripadanya.

Sepertimana yang kita ketahui, memang kita rambut sama hitam tapi hati manusia lain-lain. Ada orang yang jenis memang tidak boleh melihat orang lain hidup senang atau mempunyai segala apa benda yang diingini. Mereka ini, melihat sahaja orang lebih sikit darinya maka lahirlah sifat tidak puas hati atau dengki. Dalam fikirannya, penuh dengan perasaan jahat dan sentiasa mencari jalan dan strategi untuk menjatuhkan orang yang lebih darinya. Manusia yang mempunyai sifat demikian merupakan manusia yang mempunyai hasad dengki yang membuak-buak. Oleh itu, melalui novel yang dikaji ini, pengkaji mendapati bahawa pengarang turut memuatkan isu masyarakat yang mempunyai sifat dengki. Hal ini diperhatikan sebagaimana petikan berikut:

> Kemajuan yang dicapai oleh bekas-bekas sahabat dan buruhnya itu, bukanlah

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

> menyenangkan hati Tuan Direktur. Dia takut kalau sekiranya ada pula orang lain yang akan mengejarnya.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 125)

Meneliti petikan tersebut, jelaslah menggambarkan bahawa pengarang turut menyelitkan isu masyarakat yang dengki dengan kemajuan orang lain. Berdasarkan novel Tuan Direktur, pengkaji dapat merumuskan bahawa sifat dengki ini dimiliki oleh Jazuli kerana dia seorang manusia yang tidak suka sekiranya ada sahaja orang yang lebih darinya. Hal ini dapat dilihat pada Jazuli yang sanggup memutuskan persahabatannya dengan sahabat-sahabat yang telah setia bersama dengan dia selama ini kerana dia tidak mahu sahabatnya itu turut maju ke depan lebih daripada dia.

Sememangnya diakui bahawa manusia yang dengki ini tidak akan senang hatinya sekiranya ada orang lebih maju dari dirinya. Hal ini juga dapat dilihat pada Jazuli melalui petikan tersebut:

> Sakit hati kepada orang lain dan benci melihatkan kemajuan orang itulah yang menjadi sebabnya.
>
> (Tuan Direktur, 2015: 127)

Menerusi petikan tersebut, pengarang menyelitkan bahawa manusia yang dengki melihat kemajuan orang lain yang berjaya maju lebih dari dirinya. Oleh itu, sifat dengki ini jugalah manusia akan kehilangan keinsafan tentang hakikat yang sebenarnya. Selain itu, fikiran seseorang itu juga akan menjadi kusut sekiranya diri mereka dipenuhi dengan sifat dengki.

Mereka yang dengki ini tidak boleh melihat orang lain mempunyai sesuatu, sebagai contoh mempunyai perusahaan. Sekiranya orang itu mempunyai perusahaan batik, dia juga mahukan perusahaan batik. Oleh itu, masyarakat mempunyai sifat dengki ini merupakan salah satu isu masyarakat yang diselitkan oleh Hamka dalam novel beliau iaitu novel Tuan Direktur. Kita lihat bahawa mereka yang mempunyai sikap seperti ini, hati mereka akan sentiasa berasa tidak tenang dan tenteram. Mereka akan mengejar apa sahaja kemahuan mereka asalkan diri mereka akan setanding dengan orang lain. Tetapi mereka tidak tahu bahawa perbuatan buruk itu akan mendatangkan pelbagai pandangan yang kurang enak dalam kalangan masyarakat.

Hal ini boleh diaplikasikan dengan menggunakan teori konflik yang dikemukakan oleh Karl Marx yang mana beliau telah menyatakan bahawa teori yang dibangunkannya adalah berdasarkan beberapa pertimbangan berikutan hubungan sosial yang masih menimbulkan konflik kepentingan. Sistem sosial yang berkembang di tengah-tengah kehidupan masyarakat akan memberi kesan yang membolehkan timbulnya konflik. Konflik yang timbul di tengah-tengah kehidupan masyarakat bertujuan untuk menimbulkan kontroversi yang hebat terutama berkaitan dengan kuasa.

Konflik ini dapat membuat keadaan menjadi lebih buruk apabila konflik terus berlaku tanpa penyelesaiannya. Orang kaya dan berkuasa dipandang mampu mengambil apa yang dikehendaki dengan kebijaksanaan mereka sendiri. Hal ini amat berkait dengan isu masyarakat yang dengki kerana adanya kebijaksanaan, mereka akan melakukan perbuatan buruk itu bagi mendapat keinginan dan akan berlaku kepada pertelingkahan bagi perebutan kuasa atau harta benda. Jelas menunjukkan bahawa

pertelingkahan berlaku dalam novel Tuan Direktur kerana mempunyai masyarakat yang dengki kerana tidak boleh melihat kejayaan orang lain.

4.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, jelaslah menunjukkan bahawa novel yang dipilih iaitu novel Tuan Ditrektur karya Hamka ini banyak memaparkan isu-isu masyarakat yang mampu untuk dibuat sebagai analisis kajian. Selain itu, isu-isu masyarakat yang dipaparkan dalam novel tersebut dipercayai telah digarap oleh pengarang dengan disesuaikan dengan tajuk novel yang telah dihasilkan itu. Tambahan pula, isu-isu masyarakat yang terdapat dalam novel Tuan Direktur berlaku disebabkan sikap masyarakat yang mengutamakan wang, harta dan pangkat. Satu perkara yang amat menarik dan tersirat dalam novel Tuan Direktur ialah pengarang mengangkat orang kaya sebagai watak utama yang menjadi agen sebab terciptanya isu masyarakat.

Tuntasnya, novel yang dikaji ini secara jelas banyak mengandungi isu-isu masyarakat kerana novel tersebut sememangnya ia berlatarbelakangkan kepada kehidupan masyarakat. Diharapkan agar karya yang dihasilkan ini dapat membantu masyarakat untuk mengelakkan isu-isu tersebut terjadi dalam realiti kehidupan sebenar dan sama-sama menyemak sikap tanggungjawab, amanah, bertolak ansur, baik budi dan sebagainya bagi mencapai kehidupan yang majmuk.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan dan memperincikan secara keseluruhan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji secara ringkas berkenaan dengan segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilaksanakan dalam bab-bab sebelumnya. Seterusnya yang terakhir, pengkaji mengemukakan implikasi dan beberapa cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian ini dan membantu kepada pengkaji lain bagi meneruskan kajian ini di masa hadapan.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Keunggulan jelas dilihat dalam kepengarangan Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka melalui novel hasil penulisannya iaitu novel Tuan Direktur. Keunggulan telah dibuktikan dalam analisis kajian yang telah merungkai dari aspek isu-isu masyarakat yang telah disampaikan oleh beliau dalam novel tersebut. Secara khusus, kajian telah meletakkan kedudukan Hamka di takhta dan di puncak kepengarangan yang unggul, sebagaimana menjadikan karya beliau berdasarkan kepada salah satu media awal sebagai usaha untuk memberi kesedaran nasional kepada

FTKW

pembaca dan juga untuk menyampaikan kritikan sosial melalui hasil karyanya itu sendiri.

Di samping itu, kebijaksanaan Hamka dalam bentuk kepengarangannya yang cuba menyampaikan kesedaran melalui karya telah menjadikan karya beliau sebagai kayu ukur dan landasan utama membina sebuah teks yang unggul. Hal ini dalam satu erti yang lain telah membawa kepada pembentukkan pelapis kepengarangan yang mana menjadikan karya Hamka seperti Tuan Direktur sebagai salah satu kayu ukur utama dalam melahirkan karya-karya yang benar-benar mampu memberi manfaat dan berkesan kepada masyarakat bagi mengambil pengajaran dan seperti yang sudah sedia maklum bahawa peranan karya sastera itu sendiri sebagai cerminan masyarakat.

Dunia kepengarangan hari ini sewajarnya mencontohi segala aspek yang telah mengungguli dan menjadikan kekuatan kepada sesebuah karya. Antara aspek-aspek tersebut pula antara lain seperti isu-isu yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat dahulu mahupun sekarang yang menjadi tunjang kepada keberkesanan dan kesempurnaan kepengarangan. Isu masyarakat yang cuba disampaikan seseorang pengarang turut dipengaruhi oleh sikap serta pengalaman hidup yang banyak menekankan nilai-nilai etika supaya dapat mengelakkan daripada karya yang hanya menekankan kepada unsur hiburan semata-mata berbanding unsur pengajaran kepada khalayak pembaca.

Di samping itu, kajian ini telah dijalankan renteran dari kelompongan kajian terdahulu dari aspek kajian isu-isu masyarakat yang banyak telah diselitkan dalam penulisan novel. Secara jelas bahawa melalui aspek isu masyarakat yang terdapat dalam

FTKW

karya sastera ini, pengarang ingin menyampaikan bahawa isu tersebut tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat yang sebenar pada masa kini. Menerusi penyampaian isu masyarakat dalam karya sastera, ia mampu menjadikan pengajaran dalam membina kelakukan atau tingkah laku manusia yang ke arah positif dan menyemarakkan nilai kemanusiaan yang terpuji tinggi.

Pengkaji telah menggunakan teori konflik dalam kajian ini berdasarkan kepada isu masyarakat yang terjadi dalam novel Tuan Direktur. Selain itu, teori konflik yang digagaskan oleh empat orang tokoh iaitu Karl Marx, Ralf Dahrendorf, Lewis A. Coser dan George Simmel yang mana ianya merupakan salah satu teori yang paling berpengaruh berkaitan dengan isu-isu masyarakat. Tambahan pula, teori konflik menyediakan alternatif terhadap teori struktur fungsional. Teori konflik bertujuan untuk menganalisis asal usul suatu kejadian terjadinya sebuah pelanggaran peraturan atau latar belakang seseorang yang berperilaku menyimpang. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori konflik kerana melihat bahawa teori tersebut merumus kepada berlakunya isu dalam masyarakat.

Tuntasnya, sebagai menggulung segala yang telah dibincangkan berkaitan dengan isu-isu masyarakat berdasarkan kepada novel Tuan Direktur yang dikarang oleh Hamka, menunjukkan bahawa banyak isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat sehingga mewujudkan pertelingkahan yang mana telah meretakkan atau memutuskan silaturrahim sesama masyarakat. Isu-isu masyarakat yang dipaparkan dalam novel tersebut tidak seharusnya terjadi supaya boleh melahirkan masyarakat yangt hidup saling bertolak ansur dan hormat-menghormati.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Meliputi aspek kajian ini, isu-isu masyarakat yang dinyatakan dan diaplikasikan dengan teori yang digunakan ini dijangka sesuai kerana kebanyakan isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur terjadi kerana adanya sikap negatif masyarakat yang tidak pernah mensyukuri segala bentuk nikmat yang telah diperolehi. Demi mengejar keinginan dan kemahuan sanggup melakukan perkara yang diluar batasan manusia sehingga menimbulkan isu negatif dalam masyarakat. Sebagai hidup bermasyarakat, kita perlu kepada hidup yang mengamalkan sikap baik atau positif supaya hubungan sentiasa terjalin dengan baik. Di samping itu, setiap masyarakat mesti mengelak dari menjadi orang yang pentingkan diri sendiri, tidak pandai menjaga hati orang dan suka mengambil hak orang lain.

Menerusi novel tersebut, pengkaji telah berjaya mengeluarkan beberapa isu-isu masyarakat seperti sombong, tamak harta dan kehormatan, percaya tahyul, rasuah, bercakap bohong, tidak bersyukur dan sifat dengki. Kesemua isu tersebut mampu memborak perandakan hubungan sesama masyarakat. Sebagaimana isu yang berlaku dalam novel Tuan Direktur sepatutnya ia dielakkan berlaku agar nilai kehidupan bermasyarakat boleh dipelihara. Novel ini mampu memberi manfaat dan berperanan bagi menyikap segala persoalan hidup bermasyarakat yang memberi pengalaman kepada manusia.

Peristiwa-peristiwa dalam novel tersebut menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan negatif yang terjadinya kepada isu masyarakat yang mana isu tersebut menjadi contoh yang tidak patut dicontohi. Analisis ini turut memberi pengalaman dan pengetahuan cukup bermakna dalam hidup bermasyarakat yang boleh dijadikan pengajaran untuk semua. Tambahan pula, pengarang bagi novel Tuan Direktur tidak

FTKW

lupa memperlihatkan bagaimana isu masyarakat itu berlaku kerana kebejatan nilai moral yang telah mendorong kepada keruntuhan budaya dalam hidup bermasyarakat.

5.2 IMPLIKASI

Bagi implikasi kajian, pengkaji melaporkan bahawa isu-isu masyarakat diambil secara keseluruhan berdasarkan kepada novel Tuan Direktur. Kajian berkenaan dengan isu-isu masyarakat dilihat sebagai satu kajian penting dijalankan sekarang ini, memandangkan telah banyak isu tersebut berlaku dalam dunia realiti pada masa kini. Tambahan pula, isu-isu masyarakat yang dibawa dalam karya sastera mampu memberi pendidikan kepada masyarakat untuk membentuk personaliti dan kerohanian dalam masyarakat. Ternyata isu-isu yang cuba dipaparkan oleh pengarang dalam penulisannya mempunyai kekuatan yang tersendiri bagi memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjadi panduan dalam menjalankan kehidupan ke arah yang lebih baik dan mampu melahirkan masyarakat berhemah tinggi.

Di samping itu, pengkaji mampu menerokai isu-isu masyarakat yang diterapkan oleh pengarang dengan lebih mendalam dalam membentuk perilaku dan keperibadian yang baik dan mengangkat kembali isu-isu masyarakat dalam karya sastera yang sememangnya kaya dengan isu masyarakat dan sesuai dijadikan teladan kepada semua lapisan umur. Dalam bidang kesusasteraan, pengkajian ini mampu memupuk daya imaginasi yang positif dan kreatif terhadap khalayak dan seterusnya memahami dan menyelami pemikiran yang cuba disampaikan pengarang. Oleh itu, ia dapat memberi cerminan kepada masyarakat. Tambahan pula, isu masyarakat yang terkandung dalam

FTKW

sesebuah karya sastera ini mampu membawa pembaca ke arah matlamat yang diinginkannya dengan mengikuti landasan yang betul, sekaligus dapat membentuk keperibadiannya yang mulia dalam kalangan masyarakat.

Diakui bahawa karya sastera itu sendiri mempunyai kritikan secara langsung atau tidak langsung yang cuba disampaikan melalui penulisan berkenaan dengan penyebab wujudnya suatu permasalahan dalam masyarakat, kritikan tersebut mampu memberi tauladan kepada khalayak pembaca bagi menjadikan perwatakan seseorang itu menjadi insan yang lebih baik. Oleh itu, hasil dari kajian ini mampu membuka minda pengkaji dan semua masyarakat bagi mewujudkan individu yang lebih bijak mengenal pasti penyebab berlakunya kepada isu-isu kurang enak yang berlaku dalam masyarakat kita. Hal ini juga dapat mengelak dari masyarakat hidup saling benci membenci dan tidak berpuas hati sesama sendiri.

Selain itu, satu perkara penting yang perlu diambil kira dalam suatu kajian adalah penggunaan teori dalam melakukan kajian. Teori tersebut haruslah dapat merefleksikan dengan analisis yang dilakukan dalam kajian. Dalam menganalisis isu-isu masyarakat yang dinyatakan dalam karya sastera seperti novel Tuan Direktur ini sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan teori konflik yang menjadi tunjang kepada sebab berlaku pertelingkahan antara individu dengan individu atau individu dengan masyarakat. Pelbagai konsep dan pandangan dari tokoh yang kemukakan teori konflik, namun yang pasti teori ini menjurus kepada permasalahan yang melibatkan individu atau masyarakat. Oleh itu, pengkaji mesti bijak mempelajari teori tersebut bagi dianalisis dalam mengkaji isu-isu masyarakat dalam karya sastera. Justeru itu, penggunaan konsep tokoh yang mengemukakan teori konflik yang dihasilkan

FTKW

berdasarkan kepada isu-isu masyarakat sesuai digunakan sebagai landasan untuk mengkaji dan menerangkan permasalahan yang senario dalam kehidupan masyarakat. Secara amnya, ia telah membantu sedikit sebanyak bagi pengkaji memahami dan mempelajari tentang teori konflik dalam aplikasi ke atas isu-isu masyarakat melalui kajian ini.

5.3 CADANGAN

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji ingin menyarankan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan atau tindakan susulan bagi menyemarakkan lagi kajian ke atas isu-isu masyarakat dalam karya sastera. Oleh itu, pengkaji akan membincangkan beberapa cadangan mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji berkenaan dengan isu-isu masyarakat dalam novel Tuan Direktur. Antara cadangan pengkaji ialah kepada pelajar bidang kesusasteraan, pihak media massa, pengkaji yang akan datang dan cadangan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh hal yang demikian, diharapkan pihak yang dicadangan mampu mendedahkan atau memperbanyakan lagi sumber rujukan serta informasi yang berkaitan dengan kajian isu-isu masyarakat dan teori konflik pada dunia hari ini.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3.1 CADANGAN KEPADA PELAJAR BIDANG KESUSASTERAAN

Pengkaji mencadangkan kepada pelajar bidang kesusasteraan bagi mengekploitasikan lagi sumber bahan pembelajaran berkaitan isu-isu masyarakat dalam karya sastera. Selain itu, pelajar bidang kesusasteraan tidak seharusnya melakukan kajian ke atas karya sastera dari aspek lain sahaja dan mereka seolah-olah tidak mengambil kira dari segi isu yang cuba disampaikan oleh pengarang dalam karya sastera. Kita dapat lihat bahawa karya sastera itu sendiri merupakan satu cerminan kepada masyarakat. Oleh itu, kajian ke atas isu-isu masyarakat menerusi karya sastera amat penting supaya ia setidak-tidaknya mampu memberi pendidikan dan pencerahan kepada khalayak bahawa karya sastera mampu melahirkan manusia yang berfikiran bijak. Disebabkan itu, pengkaji mencadangkan supaya pelajar bidang kesusasteraan memperbanyakan lagi kajian berkenaan dengan isu-isu masyarakat dalam karya sastera.

5.3.2 CADANGAN KEPADA PIHAK MEDIA MASSA

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan agar pihak media massa seperti televisyen, facebook, youtube dan sebagainya memainkan peranan mereka dalam mendedahkan kepada khalayak masyarakat tentang isu-isu yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat sehingga berlaku kepada pergaduhan, malah sehingga berlaku kepada kes pembunuhan kerana perselisihan faham antara satu sama lain. Media massa seperti televisyen perlu memperbanyakan dalam memainkan drama-drama yang berunsurkan kepada peranan masyarakat. Sebagai contoh, drama yang berkisahkan hidup bermasyarakat dalam saling mengambil berat, hormat menghormati,

tolong menolong, dan sebagainya. Menerusi televisyen dalam memainkan drama yang berunsurkan hidup bermasyarakat menyebabkan masyarakat akan mengambil ikhtibar dari perjalanan cerita yang telah disampaikan. Oleh itu, dengan pihak media massa ini memainkan peranan penting mereka dalam memberi kesedaran kepada masyarakat menyebabkan isu-isu masyarakat dapat dikurangkan, malah dapat diatasi dari terus berlaku kepada perkara-perkara yang tidak diingini oleh semua pihak.

5.3.3 CADANGAN KEPADA PENGKAJI YANG AKAN DATANG

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji yang akan datang untuk meneruskan lagi kajian tentang isu-isu masyarakat dalam karya sastera. Pengkaji mengharapkan kepada pengkaji yang akan datang supaya meneruskan kajian ini dalam peringkat yang lebih terperinci seperti dari segi kesan isu-isu masyarakat kepada keluarga mahupun kepada negara. Diharapkan juga kepada pengkaji yang akan datang mengkaji isu-isu masyarakat yang telah banyak diselitkan dalam karya sastera yang lain dalam skop kajian yang lebih luas. Hal ini kerana dalam kajian ini hanya mengkaji isu-isu masyarakat dalam satu buah karya sastera sahaja. Pengkaji yang akan datang diharapkan boleh mengkaji isu-isu masyarakat dalam beberapa buah karya sastera bagi melakukan perbandingan antara isu-isu yang terdapat dalam sesebuah karya sastera.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3.4 CADANGAN KEPADA PIHAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dilakukan, pengkaji mencadangkan agar pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) lebih banyak lahirkan atau menerbitkan buku dan sumber-sumber rujukan berkenaan dengan isu-isu masyarakat serta teori konflik bagi memberi mendedahkan kepada khalayak pembaca dan masyarakat bertapa pentingnya isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) amat penting mengeluarkan banyak sumber yang berkaitan isu-isu masyarakat supaya masyarakat dapat membuat penilaian tentang kesan yang akan diterima oleh masyarakat sekeliling atau kepada diri sendiri dengan perbuatan yang dilakukan. Selain itu, pihak DBP juga mesti mengeluarkaan sumber rujukan berkenaan dengan isu-isu masyarakat supaya para pengkaji berminat atau memudahkan para pengkaji melakukan kajian ke atas isu-isu masyarakat.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.4 PENUTUP

Kesimpulannya, pengkaji mengharapkan agar kajian ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat mahupun kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam penyelidikan dan pembelajaran berkaitan dengan isu-isu masyarakat atau kajian yang berkaitan dengan karya kesusasteraan secara amnya. Oleh itu, untuk menjayakan dalam memperbanyakan penyelidikan yang berkaitan dengan isu-isu masyarakat dalam novel sasterawan, semua pihak terutama penyelidik dari bidang kesusasteraan mesti memainkan peranan dalam melakukan kajian ke atas isu-isu masyarakat dalam karya sastera.

Selain itu, isu-isu masyarakat yang dipaparkan dalam novel Tuan Direktur adalah secara tersirat bagi pengarang menyampaikan hasratnya bahawa isu-isu masyarakat yang terjadi itu dapat dijadikan pengajaran untuk khalayak pembaca agar tidak melakukan perkara yang sama. Justeru itu, pengkaji berharap semoga kajian ini mampu memberi kesedaran kepada semua pihak tentang novel sastera seperti Tuan Direktur, yang mana novel tersebut boleh merungkai segala isu masyarakat yang disampaikan oleh pengarang melalui penulisan dalam novel.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini berdasarkan kepada situasi yang berlaku dalam novel Tuan Direktur. Diharap oleh pengkaji bahawa hasil kajian ini boleh dijadikan panduan untuk kajian-kajian akan datang.

FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

RUJUKAN

Andri Wahyudi. (2000). *Konflik, Konsep Teori Dan Pemasalahan.*

Afriza Yuan Ardias, Sumartini dan Mulyono. (2019). *Konflik Sosial Dalam Novel Karena Aku Tak Buta Karya Rendy Kuswanto.* Jurnal Sastra Indonesia. ISSN 2252 6315.

Ahmad Nasyran Azrae, Haji Hairuddin Megat Latif dan Kadijah Mohamed. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. Pusat Pengajian Undang-undang. Universiti Utara Malaysia.

Ahmad Redzaudin Ghazali, Yaakob Hassan dan Muhammad Haron Husaini. (2013). *Permasalahan Sosial Dan Politik Dalam Novel Terpilih Najib Mahfuz Dan Shahnon Ahmad.* Jabatan Bahasa Arab, Akademik Islam, KUIS.

Alifatul Qolbi Mu'arrof. (2019). *Representasi Masyarakat Pesisir: Analisis Semiotika dalam Novel Gadis Pesisir Karya Nunuk Y.Kusmiana.* Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra (SEMANTIKS). ISBN: 978-623-90740-6-7.

Che Abdullah Che Ya, Mawar Shafie dan Misran Rokimin. (2010). *Manusia dan Kuasa: Meneliti Politik Perpartian dalam Beberapa Novel Melayu 1970-an hingga 1980-an.* Jurnal Melayu (5)2010: 251-263.

Darti Muflikhah, Andayani dan Raheni Suhita. (2014). *Masalah Sosial Dalam Novel Air Mata Tjitanduy Karya Bambang Setiaji (Kajian Sosiologi Sastra dan Pendidikan Karakter).* BASASTRA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya. ISSN 12302-6405.

Ellya Rosana. (2015). *Konflik Pada Kehidupan Masyarakat (Telaah Mengenai Teori dan Penyelesaian Konflik Pada Masyarakat Modern).* Al-AdYaN/Vol.X, No.2/Juli Desember/2015.

Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir dan Abd Hakim Mohad. (2014). *Al-Bad'ah al I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya Dalam Masyarakat Melayu Dan Ruang Dakwah Yang Masih Terbuka.* Bangi: Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.

FTKW

Faziela Abu Bakar@Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Unsur Konflik Dalam Novel Remaja Terpilih.* Universiti Putra Malaysia.

Gusti Rahayu. (2018). *Masalah Sosial Dalam Novel Kusut Karya Ismet Fanany*. Skripsi Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia STKIP PGRI Sumatera Barat Padang. (NPM: 14080263).

Hamka. (2015). *Tuan Direktur.* Perpustakaan Negara Malaysia. ISBN: 978-967-411 645-3. 1. Indonesia Fiction. I. Judul 899.2213.

Irwan Latif Nurdin. (2017). *Masalah Sosial dalam Novel Lelaki Harimau Karya Eka Kurniawan.* Skripsi Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia STKIP PGRI Sumatera Barat Padang. (NPM: 13080061).

Marcita Fajarwati. (2018). *Gambaran Masalah Sosial Masyarakat Dalam Novel Lingkar Tanah Lingkar Air Karya Ahmad Tohari Dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran Sastra Indonesia Di Sekolah.* Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.

Maria Yuliana Kusrini. (2008*). Konflik Sosial Dalam Novel Orang-orang Malioboro Karya Eko Susanto Pendekatan Sosiologi Sastra.* Program Studi Sastra Indonesia. Jurusan Sastra Indonesia Fakultas Sastra. Universitas Sanata Dharma, Yogyakarta.

Mas'udi. (2015). *Akar-akar Teori Konflik: Dialektika Konflik: Core Perubahan Sosial dalam Pandangan Karl Marx dan George Simmel.* FIKRAH: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan.

Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan dan Syamsul Azizul Marinsah. (2018). *Isu-isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan.* Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu.

Mohd Syariefudin Bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof dan Faridah Binti Che Husain. (2017). *Konsep Komuniti Dan Perkembangannya: Suatu Tinjauan Kritikal Terhadap Penggunaannya.* Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 12, No. 3 (2013), 022 ISSN: 1823 884x.

M. Wahid Nur Tualeka. (2017). *Teori Konflik Sosiologi Klasik Dan Modern.* Dosen Prodi Studi Agama-agama Fakultas Agama Islam Univesitas Muhammadiyah Surabaya.

Naufal Iman dan Eggy Fajar Andalas. (2018). *Representasi Kehidupan Religius Masyarakat Islam Kejawen Di Yogyakarta Pada Tahun 1868 M - 1912 M Dalam Novel Dahlan: Sebuah Novel Karya Haidar Musyafa.* Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia.

Riza Permata Sari. (2018). *Masalah Sosial dalam Novel Ketika Lampu Berwarna Merah.* Skripsi Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia STKIP PGRI Sumatera Barat Padang. (NPM: 14080020).

Rosnani Binti MD Zaid. (2017). *Fenomena Sosial Dalam Novel Pilihan.* Universiti Putra Malaysia.

Rosyda Amalia, Dr. Aprinus Salam dan M.Hum. (2019). *Pandangan Dunia Hamka dalam Novel Tuan Direktur: Kajian Strukturalisme Genetik Lucien Goldmann.* BAHASA DAN SASTRA INDONESIA.

Siti Khatijah Yasin dan Fadzli Adam. (2015). *Konflik Perpaduan Kaum Dalam Ketamadunan Masyarakat Melayu Malaysia.* Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan dan Haris Abd. Wahab. (2014). *Pengurusan Masalah Sosial Yang Berlaku Dalam Komuniti Pesisir Di Kelantan.* Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 24.

FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN